

# **KERAJAAN NEGERI KELANTAN MENGUCAPKAN**

**Selamat datang**

**Welcome**

أهلا

**Welkom**

**Mirë se vini**

**Dobro došli**

**Vítejte**

**Bienvenido**

**Bienvenue**

**Herzlich willkommen**

**Καλός ήλθατε**

**Fáilte**

**Välkommen**

**Bem vindo**

**добро пожаловать**

**Benvenuto**

**Hosgeldiniz**

**Hush kelibsiz**

**Hwan yung**

ようこそ

ยินดีต้อนรับ

خوش آمدید

## **KEPADA SEMUA TETAMU**

## ANJURAN:



## SEMPENA:



## RAKAN SINERGI:



## *Senarai Kandungan*

Seuntai Amanat Menteri Besar Negeri Kelantan	5
Kalam Aluan Pengerusi Pembangunan Wanita, Keluarga dan Kebajikan Kelantan	7
Sekapur Sireh Pengarah Program Hari Sayyidatina Khadijah 2017	10
Latar Belakang	12
Objektif	14
Bicara Tema: “Agar Dirimu Semulia Khadijah”	15
Aturcara Hari Sayyidatina Khadijah 2017	20
Jawatankuasa Hari Sayyidatina Khadijah 2017	22
Definisi Reka Bentuk Logo Hari Sayyidatina Khadijah 2017	26
Lagu Tema Hari Sayyidatina Khadijah 2017	30
Logo Majlis Perundingan Wanita Parlimen (MPWP)	31
Tokoh Wanita Kelantan	32
Produk Edisi Istimewa Hari Sayyidatina Khadijah 2017	55
Peta Negeri Kelantan	58
Direktori	59
Sekalung Penghargaan	60
Galeri Foto	61
Autograf	67

## Seuntai Amanat Menteri Besar



بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Firman Allah SWT:

وَالْمُؤْمِنُونَ وَالْمُؤْمِنَاتُ بَعْضُهُمْ أَوْلِيَاءُ بَعْضٍ يَأْمُرُونَ بِالْمَعْرُوفِ وَيَنْهَوْنَ  
 عَنِ الْمُنْكَرِ وَيُقِيمُونَ الصَّلَاةَ وَيُؤْتُونَ الزَّكَاةَ وَيُطِيعُونَ اللَّهَ وَرَسُولَهُ  
 أُولَئِكَ سَيَرْحَمُهُمُ اللَّهُ إِنَّ اللَّهَ عَزِيزٌ حَكِيمٌ ٧١

Dan orang-orang yang beriman, lelaki dan perempuan, setengahnya menjadi penolong bagi setengahnya yang lain; mereka menyuruh berbuat kebaikan dan melarang daripada berbuat kejahatan dan mereka mendirikan sembahyang dan memberi zakat, serta taat kepada Allah dan RasulNya. Mereka itu akan diberi rahmat oleh Allah; sesungguhnya Allah Maha Kuasa, lagi Maha Bijaksana. (At-Taubat: 71)

Segala puji bagi Allah SWT yang merupakan pentadbir bagi seluruh kerajaan di langit dan di bumi, selawat dan salam ke atas junjungan Besar Nabi Muhammad SAW, ahli keluarga dan para sahabat Baginda serta penyambung risalah yang suci ini.

Alhamdulillah, bersyukur ke hadrat Illahi dan jutaan tahniah saya rakamkan kepada pihak Urus Setia Pembangunan Wanita, Keluarga dan Kebajikan (UPWK) Negeri Kelantan kerana sekali lagi telah berjaya menganjurkan program Sambutan Hari Sayyidatina Khadijah (HSK) 2017 iaitu program yang dinantikan oleh kaum wanita khususnya di Kelantan. Rentetan daripada sambutan HSK peringkat antarabangsa yang diadakan di Kota Bharu Kelantan pada tahun 2016 yang lalu, sambutan kali ini juga diharapkan berjaya memberi kesan yang positif kepada kaum wanita sekaligus merealisasikan impian kerajaan negeri dalam memartabatkan kaum wanita dan memberikan penghormatan tertinggi selari dengan kelembutan dan keunikan fitrah mereka. la-

-nya selari dengan konsep kepimpinan “Membangun Bersama Islam” yang kini dimasyhurkan dengan tema “Kelantan Cakna Wanita”.

Disamping itu, golongan wanita adalah rakan kongsi kepada kaum lelaki dalam memberikan sumbangan kearah pembangunan negeri dan negara. Mereka juga mengurus kerja, membangun rumah tangga dan mendidik anak-anak. Tugas ini secara tidak langsung adalah saham yang terbesar dalam usaha membekalkan sumber manusia yang berkualiti untuk pembangunan ummah. Oleh itu, para wanita mesti menekuni tuntutan agama dengan baik agar mereka terlebih dahulu diisi dengan ilmu agama bagi menjamin kehidupan mereka sebagai pendidik ummah yang berjaya.

Dengan segala usaha ini, saya mengharapkan agar generasi pelapis kepada para wanita solehah semakin ramai lahir di negeri ini dan suatu masa mereka akan lahir sebagai peneraju-peneraju kepada kerajaan juga rumah tangga mereka. Yakinlah bahawa asas kebahagiaan dalam sesebuah keluarga ialah apabila adanya seseorang wanita muslimah yang mampu menjaga dan mengurus rumah tangga dengan berbekalkan aqidah yang soheh dan akhlak yang mulia.


Syabas dan tahniah kepada pihak Urus Setia Pembangunan Wanita, Keluarga dan Kebajikan (UPWK) dan juga ahli jawatankuasa yang terlibat secara langsung mahupun tidak langsung dalam menjayakan program ini. Semoga sambutan pada kali ini berjaya mempertingkatkan lagi potensi diri wanita Kelantan dalam menyumbang kepada pembangunan negeri.

Sekian, wassalam.

**\*\*KELANTAN SEJAHTERA UNTUK ISLAM\*\***

**\*\*MEMBANGUN BERSAMA ISLAM-KELANTAN MENERAJUI PERUBAHAN\*\***

Dengan hormatnya,



.....  
USTAZ DATO' HJ AHMAD BIN YAKOB  
Menteri Besar Kelantan

## Kalam Aluan Pengerusi



بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Selawat dan salam buat Junjungan Besar Nabi Muhammad SAW, ahli keluarga, para sahabat dan pengikut setia Baginda SAW hingga ke akhir zaman.

Alhamdulillah, pertama sekali saya ingin memanjatkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin dan inayah-Nya kita dapat bersama-sama menjayakan Sambutan Hari Sayyidatina Khadijah Peringkat Negeri Kelantan 2017 sebagai sambutan rasmi Hari Wanita Kelantan sebagai penerus pengiktirafan di atas pencapaian dan jasa para wanita untuk rakyat negeri ini.

Allah berfirman didalam An Najmu

وَأَنَّهُ خَلَقَ الذَّكَرَ وَالْأُنثَىٰ ٤٥

“Dan bahawa sesungguhnya, Dialah yang menciptakan pasangan-lelaki dan perempuan ( An Najmu-ayat 45).

Ini dimantapkan dengan sunnah dan arahan oleh Rasulullah SAW yang memberikan penekanan yang setara dalam pendidikan dan pembangunan insan lelaki dan wanita dengan pembelajaran surah khusus dengan Sabda Rasulullah saw yang berbunyi:

عَلِّمُوا رِجَالَكُمْ سُورَةَ الْمَائِدَةِ وَعَلِّمُوا نِسَاءَكُمْ سُورَةَ النُّورِ

“Ajarkan kepada para laki-laki kalian surah Al Maaidah dan ajarkan kepada wanita-wanita kalian surah An Nuur.” (HR. Baihaqi, No 2330)

Hadis di atas jelas menunjukkan keprihatinan Nabi Muhammad saw peri pentingnya pendidikan Surah An-Nur dijadikan panduan kepada wanita dalam kehidupan. Wanita beriman dan berilmu merupakan antara ciri asas wanita solehah yang berupaya merealisasikan tanggungjawab sebagai isteri dan ibu dalam rumahtangga yang harmoni, malah menyumbang kepada segala

usaha untuk memenuhi tuntutan terhadap pembangunan dan kesejahteraan insan didunia yang membawa kearah kebahagiaan diakhirat.

Kuliah Bulanan Wanita Peringkat Negeri telah dimulakan pada 2009 dan diteruskan dengan pelancaran Kuliah Fiqh Wanita di peringkat Parlimen pada tahun 2015. Hari ini adalah kesinambungan landasan ilmu untuk wanita Kelantan dengan pelancaran Kuliah Tafsir Wanita DUN dengan dimulakan dengan surah An Nur. Sebagai ketandaan edaran simbolik sebuah AlQuran tafsir per kata akan diserahkan pada hari istimewa ini kepada 14 Majlis Perundingan Wanita Parlimen di Kelantan

Sayyidatina Khadijah adalah lambang kepada wanita agung yang berkorban harta dan jiwa raga demi perjuangan mengembangkan Islam. Pelbagai ugutan dan cabaran diharungi bersama baginda Rasulullah saw lantaran demi cinta kepada Allah dan rasulNya. Jasa baginda dikenang dan dirai oleh Rasulullah S.A.W semasa hayat Khadijah hatta setelah isteri tersayangNya itu dijemput Illahi. Inisiatif berterusan kerajaan Kelantan untuk wanita ini diharap dapat merealisasikan Ikon Sayyidatina Khadijah sebagai modul dalam kehidupan berumahtangga dengan tema Suri Mithali dan surah AnNur agar slogan “Agar Dirimu Semulia Khadijah” sebagai teras doa dan harapan agar para wanita menjadi sehebat pujaan hati Nabi SAW ini.

Dengan harapan yang tinggi agar program kali ini akan terus menjadi motivasi dan pembakar semangat kepada wanita Kelantan untuk terus mendepani masa dan massa. Justeru, kita harus bersaing secara sihat untuk terus cemerlang melalui penambahbaikan Inovasi dan perlu mempunyai keinginan untuk melakukan perubahan ke arah kebaikan secara berterusan bermatlamatkan kesejahteraan di dunia dan akhirat.

Sekali lagi, saya mengucapkan terima kasih kepada semua pihak yang bertungkus-lumus dalam menjayakan program ini terutamanya Urus Setia Pembangunan Wanita, Keluarga dan Kebajikan Kerajaan Negeri Kelantan, semua agensi lain yang terlibat secara langsung dan tak langsung, tokoh dan keluarga dan sukarelawan yang terlibat. Tahniah dan syabas kepada semua wa-



-nita Kelantan dan wanita di luar Kelantan yang turut membantu para wanita kami menjalankan tugas dan tanggungjawab yang telah diamanahkan. Sekian, wassalam.

Selamat Hari Suri Mithali - Selamat Hari Wanita - Hari Sayyidatina Khadijah 2017


**“SYARIAT ALLAH MEMBIMBING RAJA DAN RAKYAT SEPANJANG ZAMAN”**

**“KELANTAN SEJAHTERA UNTUK ISLAM”**

**“MERAKYATKAN MEMBANUNGUN BERSAMA ISLAM”**

**“KELANTAN CAKNA WANITA”**

Dengan hormatnya,



**HAJAH MUMTAZ MD. NAWI**

Pengerusi

Jawatankuasa Pembangunan Wanita,  
Keluarga dan Kebajikan  
Kerajaan Negeri Kelantan

## *Sekapur Sireh Pengarah*



بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Segala puji-pujian bagi Allah SWT, selawat dan salam keatas junjungan besar Nabi Muhammad SAW, kaum kerabat serta para Sahabat Baginda.

Setinggi penghargaan kepada YAB Dato' Haji Ahmad bin Yakob dan YB Hajjah Mumtaz Md. Nawi kerana terus memberi sokongan dan dokongan kepada program pengiktirafan terhadap kaum wanita di negeri Kelantan. Ianya akan menyemarakkan lagi semangat dan usaha kami untuk sentiasa meningkatkan kualiti penganjuran program di masa akan datang.

Saya juga ingin mengambil peluang merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua ahli jawatankuasa program dan semua kakitangan Urus Setia Pembangunan Wanita, Keluarga dan Kebajikan Negeri Kelantan yang telah memberikan komitmen yang tinggi bagi menjayakan program Sambutan Hari Sayyidatina Khadijah 2017 pada kali ini.

Ucapan ribuan terima kasih ini juga ditujukan kepada semua penaja kami yang telah memberikan kepercayaan dan sokongan sepanjang program ini berlangsung, tidak ketinggalan juga kepada semua sukarelawan yang telah terlibat dan bertungkus-lumus dalam menjayakan program ini. Ucapan terima kasih juga kepada tetamu yang sudi hadir ke Sambutan Hari Sayyidatina Khadijah 2017 ini. Semoga dengan kehadiran kalian dapat memeriahkan lagi program ini dan mendapat barakah daripada Allah SWT.

Besar harapan saya agar program ini mencapai matlamat yang telah digariskan dan memberi kesan yang positif kepada rakyat negeri Kelantan terutama kepada para wanita yang merupakan nadi

Kekuatan kepada pembangunan negeri ini.

Jazakumullahu kathiran.

Sekian. Wassalam.

Dengan hormatnya,



**ZAINIAH BINTI HALIM**

Pengarah Urusetia Pembangunan Wanita,  
Keluarga dan Kebajikan  
Kerajaan Negeri Kelantan

## *Latar Belakang*

### *Hari Sayyidatina Khadijah*

Islam telah mengangkat martabat serta darjat para wanita dan mengiktiraf peranannya selari dengan dasar Membangun Bersama Islam. Sejarah telah merekodkan bahawa Sayyidatina Khadijah, isteri Rasulullah S.A.W adalah antara individu yang penting dalam mendokong kerja dakwah Rasulullah S.A.W, malahan sanggup mengorbankan diri dan harta bagi memastikan Islam dapat disebar ke serata alam. Surah An-Nisa', surah yang ketiga dalam al-Quran membawa mesej bahawa Islam mengangkat darjat seorang wanita.

Peranan wanita sebagai ibu, pendidik dan penggerak masyarakat amat penting dalam membawa perubahan kepada pembangunan masyarakat dan tamadun sesebuah negara. Sumbangan aktif kaum wanita terhadap pembangunan negeri dan negara perlu disedari dan dihargai oleh masyarakat.

Semenjak tahun 1990, Kerajaan Negeri Kelantan telah mengadakan pelbagai program dan penganugerahan kepada wanita Kelantan dengan penganjuran program seperti Hari Wanita Kelantan, Hari Ibu Mithali, Hari Keluarga Mawaddah Negeri Kelantan, Hari Suri Mithali, Hari Ibubapa, Sambutan Hari Jururawat, Sambutan Hari Guru dan pelbagai sambutan bagi menghargai sumbangan mereka terhadap keluarga, masyarakat, negeri dan negara.

Bermula pada tahun 2015, nama Hari Wanita Kelantan telah ditukarkan kepada nama Hari Sayyidatina Khadijah. Sebelum ini, Hari Sayyidatina Khadijah telah disambut setiap tahun di peringkat 45 Dewan Undangan Negeri (DUN) dan di peringkat Negeri.

Program Sambutan Hari Sayyidatina Khadijah atau ringkasnya HSK ini adalah satu inisiatif Kerajaan Negeri untuk menghargai

sumbangan dan peranan yang telah dimainkan oleh wanita khususnya wanita Kelantan sepanjang 27 tahun pentadbiran Kerajaan Membangun Bersama Islam dibawah kepimpinan Tuan Guru Nik Abdul Aziz Nik Mat.

Pada tahun ini bersempena sambutan 27 tahun Merakyat Membangun Bersama Islam, sambutan Hari Sayyidatina Khadijah 2017 telah diraikan bersama-sama tokoh –tokoh yang pernah memenangi anugerah oleh Kerajaan Negeri Kelantan.

Kemuncak acara yang berlangsung pada tahun ini akan diadakan penganugerahan Tokoh Suri Kepimpinan, Tokoh Suri Kemasyarakatan, Tokoh Suri Emas, Tokoh Suri Hero Rakyat, Tokoh Suri Orang Kurang Upaya, Tokoh Suri Kerjaya, Tokoh Suri Lestari, Tokoh Suri Inspirasi dan Tokoh Buah Hati Suri.

## *Objektif*

1. Meraikan dan mengiktiraf peranan dan jasa bakti wanita dalam pembangunan negeri dan menjadikan program ini sebagai platform untuk mempromosikan pencapaian wanita Kelantan.
2. Mentadabbur surah An Nur yang sarat dengan hukum hakam dan adab-adab Islamiyyah yang wajib menjadi panduan masyarakat Muslim.
3. Mengangkat dan meletakkan nama Sayidatina Khadijah dan personaliti Sayyidatina Khadijah sebagai ikon semua wanita dalam semua aspek kehidupan peribadi, keusahawanan, keluarga, politik dan masyarakat.

## *“Agar Dirimu Semulia Khadijah”*

Mulianya Siti Khadijah R.A. Siapa yang tidak mengenali Siti Khadijah, wanita unggul yang setia di samping Rasulullah SAW. Beliaulah isteri, teman, ibu dan pejuang yang harus dicontohi oleh generasi hari ini. Adakah kita mampu menjadi insan semulia Siti Khadijah? Menyelusuri perjalanan hidup Khadijah, menjadi satu kewajipan kepada muslimat hari ini yang diselubungi oleh perang pemikiran, keruntuhan akhlak dan berlakunya tradisi-tradisi yang mengandungi unsur-unsur kekufuran dan amalan jahiliah dalam kehidupan harian.

Peranan Khadijah sebagai isteri, teman, ibu dan pejuang tidak boleh dinafikan oleh sesiapaupun hatta oleh orientalis barat sekalipun yang sentiasa cuba memaparkan unsur-unsur negatif dalam kehidupan Khadijah bersama Rasulullah SAW. Hebat dan mulianya Khadijah hinggakan Jibrail as datang menemui Rasulullah yang ketika itu Khadijah berada di sisi baginda. Jibrail berkata kepada Khadijah, “Allah mengucapkan salam kedamaian kepadamu wahai Khadijah,” Maka Khadijah menjawab, “Sesungguhnya Allah adalah kedamaian. Semoga kedamaian, rahmat dan berkatnya tercurah ke atas Jibrail serta ke atasmu.” Mulianya Khadijah hingga Allah berkirim salam padanya. Kita mungkin tidak sehebat Khadijah, namun biarlah kehidupan kita para muslimat hari ini mencontohi akhlak dan peribadi yang dimiliki oleh Siti Khadijah.

Adakah muslimat pada hari ini telah memenuhi tuntutan sebagai seorang isteri yang solehah kepada suami? Ketika seorang suami berada dalam kesulitan, isterilah yang seharusnya bisa membantunya, ketika seorang suami mengalami kegelisahan, isterilah yang sepatutnya menenangkannya dan ketika seorang suami mengalami kebuntuan, isterilah yang seharusnya meniupkan semangat dalam dirinya. Sesungguhnya tiada tempat yang paling bahagia buat seorang suami melainkan di sisi isteri yang dicintainya. Para muslimat hari ini perlu menyingkap tabir sejarah, bagaimana Siti Khadijah R.A mendampingi Rasulullah di awal kenabiannya.

Siti Khadijah ialah wanita pilihan Allah yang layak untuk dijadikan isteri kepada Muhammad bin Abdullah yang diangkat menjadi Nabi dan Rasul akhir zaman. Sebagai isteri, Khadijah tidak pernah mengabaikan segala keperluan Nabi dan sentiasa menjadi penenang kepada Nabi di kala Nabi dalam ketakutan disaat menerima wahyu daripada Jibrail di Gua Hira', menjadi penghibur di kala Nabi dilanda kesedihan akibat ditolak oleh kaumnya sendiri dan menjadi penyelamat di saat Nabi dalam kesempitan yang memerlukan pengorbanan segala harta benda.

Di saat Rasulullah merasa ketakutan ketika menerima wahyu daripada Jibrail as di Gua Hira', dan merasa kesulitan, lantas apa yang diucapkan Khadijah kepada baginda....."Janganlah begitu, bergembiralah! Demi Allah, Allah tidak akan mengkhianatimu, selama-lamanya. Demi Allah! Sesungguhnya, engkau telah menyambung tali silaturrahim, berkata benar, memikul beban orang lain, suka mengusahakan sesuatu yang tidak ada, meraikan tetamu dan sentiasa membela kebenaran," lembut tutur katanya namun cukup membina yang menjadikan perasaan dan jiwa Rasulullah SAW tenang kembali. (HR. Muttafaq 'alaih).

Seorang isteri hendaklah menjaga amanah suaminya, menjaga maruah dan kehormatannya di kala ketiadaan suami, menjaga rumahtangga dan harta serta mendidik anak-anak agar tidak tergelicir dari landasan Islam. Isteri yang solehah tidak harus meragui suaminya dan meletakkan kepercayaan terhadap suami yang tidak berbelah bahagi. Sebagaimana Khadijah yang meletakkan kepercayaan yang sepenuhnya terhadap apa yang disampaikan oleh Rasulullah SAW dan tanpa ragu-ragu menerimanya yang menjadikan beliau sebagai wanita pertama memeluk Islam. Keputusannya memeluk Islam bukan disebabkan ikut-ikutan atau kepura-puraan untuk sekadar menarik hati Muhammad SAW, melainkan kerana benar-benar terkesan dan yakin untuk menerimanya. Demikianlah seharusnya bagi seorang wanita muslimah di dalam keluarganya. Tidak ada yang diinginkan bagi seorang suami melainkan seorang isteri yang dapat menerimanya seadanya, percaya dan yakin kepadanya serta selalu membantunya ketika sulitnya.

Siti Khadijah ialah ibu mithali yang wajar dicontohi oleh setiap wan-



-ita yang bergelar ibu pada hari ini. Bagaimana Siti Khadijah mendidik anak-anaknya hingga menjadi anak-anak dan ibu yang solehah, harus diikuti. Hasil didikan Khadijah, anakandanya Fatimah diberi pengiktirafan oleh Junjungan Besar Nabi Muhammad sebagai sebaik-baik wanita di dunia ini selain Maryam binti 'Imran, Asiyah puteri Muzahim (isteri Firaun), dan Khadijah binti Khuwailid.

Sebagai seorang ibu, muslimat hari ini sewajarnya mendidik anak-anak dengan ajaran Islam yang sebenarnya. Ibu-ibu moden pada hari ini berdepan dengan cabaran yang sangat hebat dalam mendidik anak-anak generasi Y dan Z yang terdedah dengan dunia tanpa sempadan. Pengaruh internet dan telefon pintar amat sukar dibendung dan mampu menenggelamkan generasi muda ke dunia alam maya yang mengkhayalkan. Hanya Islamlah yang mampu menyelamatkan generasi muda hari ini dari terus dibuai oleh keseronokan yang tiada penghujung ini. Bagaimana penyelesaiannya? Kembali kepada cara didikan yang berteraskan Islam adalah jalan penyelesaian terbaik kepada masalah remaja hari ini. Di sinilah ibu memainkan peranan penting untuk mendidik anak-anak sedari kecil dengan ajaran Islam yang syumul.

Khadijah adalah pejuang Islam yang turut sama berjuang bersama Rasulullah SAW dalam menegakkan syiar Islam di bumi Arab. Khadijah tidak pernah berkira dalam mengorbankan segala harta bendanya demi Islam dan membantu perjuangan suaminya Nabi Muhammad SAW. Bagaimana dengan kita? Adakah kita merelakan diri kita untuk berjuang demi agama Allah ini? Atau kita masih berdolak dalik dengan pelbagai alasan untuk turut sama berjuang?

Mulianya Siti Khadijah sehingga beliau sanggup menginfakkan dirinya sendiri untuk perjuangan Islam. Disaat Khadijah tenat kerana menderita sakit akibat pemulauan puak kafir Quraisy terhadap Bani Hasyim, Khadijah sempat berbicara kepada Rasulullah SAW: "Seandainya kesakitanku ini membawa kematianku dan orang Quraisy akan terus menyakitimu, dan tidak ada benda lagi yang boleh aku berikan kepadamu, pada saat itu Ya Rasulullah, sekiranya kau rasakan perlu, kau cunghillah tulang rusukku ini, kau ambillah ia dan kau jadikan ia pedang untuk-

mempertahankan dirimu dan agama ini Ya Rasulullah.”

Bagaimana dengan kita? Adakah kita telah bersedia untuk berkorban masa, tenaga dan wang ringgit demi perjuangan yang kita dokong selama ini? Jadilah semulia Siti Khadijah yang mendedikasikan dan menyerahkan seluruh hartanya untuk Islam, gigih berjuang, melindungi nabi dengan penuh tanggungjawab, cinta dan kasih sayang. Masih terdapat banyak lompong yang perlu diisi oleh para muslimat hari ini dalam menegakkan perjuangan Islam baik di dalam maupun di luar negara. Ramai umat Islam hari ini yang dianiayai, ditindas dan dizalimi di seluruh dunia yang amat mengharapkan simpati dan bantuan dari kita semua. Di sinilah para muslimat boleh memainkan peranan mereka dengan menghulurkan bantuan dari segi wang ringgit dan juga doa yang berkekalan agar dapat meringankan bebanan mereka. Kalau Khadijah R.A rela mengorbankan seluruh harta bendanya untuk perjuangan Islam, takkanlah kita hari ini tidak mampu menghulurkan walaupun sedikit bantuan untuk menyokong perjuangan umat Islam yang dianiayai dan ditindas. Takkanlah kita hanya mahu menjadi penonton kepada kekejaman pihak kuffar yang ingin menghancurkan umat Islam. Agama Islam yang ditegakkan oleh Rasulullah SAW, didokong oleh isteri tercinta Khadijah RA dan para sahabat baginda, hendaklah kita pertahankan dengan seluruh jiwa dan raga.

Khadijah telah lama pergi meninggalkan kita, namun kemuliaan yang dimilikinya biarlah menjadi inspirasi dan teladan buat para muslimat hari ini. Contohilah Khadijah RA. Jadikanlah Khadijah RA sebagai idola dalam menjalani kehidupan sebagai seorang isteri, teman, ibu dan pejuang dalam menjalankan syariat yang diwariskan oleh Rasulullah SAW. Jika di belakang Rasulullah SAW berdirinya Khadijah RA sebagai pendokong dan penyokong kepada kejayaan Nabi, maka biarlah di sebalik kejayaan suami hari ini berdirinya kita sebagai pendamping, seorang isteri yang bersedia membantu walau dalam apa jua keadaan.

Kisah hidup para pejuang wanita Islam di zaman silam perlu ditonjolkan untuk tatapan generasi muda hari ini agar dapat diambil iktibar dan dijadikan ibrah dalam kehidupan. Remaja hari ini memuja dan mencontohi individu yang tidak layak untuk dijadikan

teladan. Justeru menjadi tanggungjawab keluarga, masyarakat dan kerajaan untuk menonjolkan tokoh-tokoh wanita Islam yang telah berjaya mencorak dunia dan melakar sejarah agar lebih dikenali serta dicintai oleh generasi muda hari ini. Marilah sama-sama kita mendidik diri kita agar bisa menjadi sehebat dan semulia Siti Khadijah binti Khuwailid RA. Khadijah, sungguhpun dirimu telah lama pergi, perjuanganmu dan cinta kasihmu terus mekar menjadi tatapan generasi hari ini.

Sumbangan Artikel Oleh:  
Awanis Mohd

Masa	Aktiviti
<p>8.00 pg — 10.50 pg</p>	<p>Sarapan Pagi dan Pendaftaran Peserta                      Ucapan Aluan Pengacara Majlis                      Bacaan Ayat-ayat Suci al-Quran (<b>Surah An-Nur: 21-25</b>)                      Persembahan Nasyid Lagu Tema “Semulia Khadijah”                      oleh: <b>Soutul Amal</b></p> <p>Ucapan Perasmian                      oleh :<b>YABhg. Datin Bentara Kanan Hajah Siti Zabidah Ab Hamid</b></p> <p>Gimik Perasmian Hari Sayyidatina Khadijah 2017                      (Pelancaran serentak Logo MPW dan Buku Suri Hati Tok Guru)                      Tayangan Montaj MPW</p> <p>Ucuptama “<b>Wanita An-Nur</b>”                      oleh <b>YB Hajah Mumtaz Md Nawi</b>                      Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita, Keluarga dan                      Kebajikan Kerajaan Negeri Kelantan</p> <p>Gimik Pelancaran Kuliah Tafsir Wanita                      Penyampaian Tokoh Suri Mithali Negeri Kelantan 2017                      Oleh <b>YBhg. Datin Ros Aini Hj Ghazali</b>                      Pengerusi Persatuan Suri dan Anggota Wanita Perkhidmatan                      Awam Malaysia caw Negeri Kelantan (PUSPANITA Negeri                      Kelantan)</p> <p>1. Tokoh Suri Mithali - Buah Hati Suri                      2. Tokoh Suri Mithali - Suri Hero Rakyat                      3. Tokoh Suri Mithali - Suri Kerjaya                      Oleh <b>YB Hajah Mumtaz Md Nawi</b>                      Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita, Keluarga dan                      Kebajikan Kerajaan Negeri Kelantan</p> <p>1. Tokoh Suri Mithali Suri OKU                      2. Tokoh Suri Mithali Suri Lestari                      3. Tokoh Suri Mithali Suri Inspirasi                      Oleh <b>YABhg. Datin Bentara Kanan Datin Hj Siti Zabidah Ab Hamid</b>                      Pengerusi Persatuan Kebajikan Isteri Wakil Rakyat dan Pegawai                      Tinggi Kerajaan Negeri Kelantan (PURNAMA)</p> <p>1. Tokoh Suri Mithali Suri Kemasyarakatan                      2. Tokoh Suri Mithali Suri Emas                      3. Tokoh Suri Mithali Suri Kepimpinan</p>

Masa	Aktiviti
10.50 pg –	<b>Tema 1:</b> Wanita dan Pendidikan Hudud Dari Perspektif Surah An-Nur Oleh : <b>YB Senator Khairiah Mohamed</b> (Ahli Dewan Negara)
11.50 pg	<b>Tema 2:</b> Surah An-Nur Model Keanggunan Peribadi Muslimah Oleh : YBhg. <b>Ustazah Isfadhah Mohd Dasuki</b> (Selebriti Dakwah)
12.50 t/hari	Cabutan Bertuah Makan Tengah Hari

## *Aturcara sesi petang*

Masa	Aktiviti
2.00 petang	Pendaftaran dan ketibaan dif-dif jemputan
2.15 petang — 3.45 petang	Ucapan Aluan Pengacara Majlis Persembahan <i>Shark Do Do</i> oleh Pelajar PASTI  <b>Tema 3:</b> Surah Al-Nur – Model Terbaik Pengurusan Rumah Tangga Oleh : <b>Ustazah Asmak Husin</b>  <b>Tema 4:</b> Manifestasi Keajaiban Alam dalam Konteks Maqasid Syariah Oleh : <b>Prof. Madya Dr Shukeri Mohamed</b>
4.45 petang — 4.50 petang	Cabutan Bertuah Persembahan
5.05 malam	Bersurai

*Jawatankuasa Induk*  
*Sambutan Hari Sayyidatina Khadijah 2017*

**YB Hajah Mumtaz Md Nawi**  
Pengerusi Jawatankuasa

**YB Hajah Wan Ubaidah Omar**  
Timbalan Pengerusi Jawatankuasa

**Puan Hajah Zainiah Halim**  
Ketua Pengarah

**Puan Ilvira Mohd Dasuki**  
Pengarah Operasi

**Cik Nur Adyani Mohamed**  
Setiausaha

**Puan Norhasidah Ismail**  
Penolong Setiausaha

**Puan Siti Nurhajartum Akmal Mohammad**  
AJK Tertinggi

**Puan Bazilah Kamaruldin**  
AJK Tertinggi

**Puan Tuan Azura Raja Ismail**  
AJK Tertinggi

**Jawatankuasa Kecil Protokol**

Pn Zainiah Halim  
 Pn Siti Nurhajaturn Akmal Mohammad  
 P Norhaiti Ibrahim  
 Pn Dzukaidah Ali Muhammad

**Jawatankuasa Kecil Penyambut Tetamu**

Pn Ilvira Mohd Dasuki  
 Pn Bazilah Kamaruldin

**Guru PPWK**

Pn Ruwaida Ramli  
 Cik Nabilah 'Adlina Mohd Razan  
 Pn Rosidah Darus  
 Pn Wan Norina Wan Amat  
 Pn Siti Halizah Ibrahim  
 Pn Che Mah Deraman  
 Pn Raja Eashah Raja Ismail  
 Pn Jalina Muhamad  
 Pn Nurulhuda Abdul Hadi  
 Pn Zulawati Ibrahim  
 Pn Rosmaleza Stapa @ Mustapa  
 Pn Wan Zaini Wan Mat  
 Pn Wan Esah Wan Hussin'  
 Pn Dazmirawati Che Muda  
 Pn Zaiton Ibrahim  
 Pn Norhamiza M. Nawi  
 Pn Siti Haliyah Mamat  
 Pn Zaleha Mat Yusoff  
 Pn Wan Hasanah Wan Deraman

**PPAD**

Pn Samsiah Chuyu Otoma  
 Pn Syarifah Halawiah Syed Adnan  
 Pn Jamimah Din  
 Pn Rosnormazita Mohamed  
 Pn Rofiah Husin  
 Cik Siti Mariam Che Hussin  
 Cik Zuraida Mohd Saufi  
 Pn Zila Loman  
 Pn Nazimah Abd Hamid  
 Pn Nor Atikah Hassan  
 Cik Muqit Ismail  
 Pn Rohati Mat Nor  
 Pn Mariam Zakaria  
 Pn Tuan Salmah Tuan Sulaiman

**Jawatankuasa Kecil Jemputan & Runner**

Cik Rabiatal Adawiah Yusof  
 Pn Nur Hidayah Zawawi  
 Cik Nur Sabrina Shaari  
 Cik Nor Mazlina Hasan

**Jawatankuasa Kecil Pengurus Pentas Atas**

Cik Nik Nur Asma Zulykha Nik Hassan  
 Cik Siti Amani Rahim  
 Cik Samiah Abdullah

**Jawatankuasa Kecil Pengurus Pentas Bawah**

Pn Norsham Shamsuddin  
 Cik Nur Syazwani Abdullah  
 Cik Nur Adyana Mohamed  
 Cik Nurul Aliaa Ramli  
 Cik Nurul Shifa Ramli

**Jawatankuasa Kecil Pengacara Majlis**

Pn Nur Hafizah Mat Hussain  
 Pn Tuan Azura Raja Ismail  
 Pn Nor Azah Abd Rahman

**Jawatankuasa Kecil Pendaftaran**

Pn Siti Nur Hidayah Razali  
 Cik Nik Nur Nabilah Nik Mahmood  
 Cik Siti Nurfatimah Abdull Aziz  
 Cik Norshakila Mohd Adnan

**Jawatankuasa Kecil Siaraya dan Multimedia**

Pn Farah Farhana Ab Malek  
 Cik Siti Aminah Mohd Parit  
 Cik Sufiana Mohamad Ghani  
 En. Mohd Zaki Mustafa  
 Cik Amaliah Amri

**Jawatankuasa Kecil Fotografi**

Pn Nik Safilah Mat Daud  
 Cik Nur Zalainza Indah Zakaria  
 Cik Nur Athirah Fauzi @ Kauzai  
 Cik Shasliza Samsuddin  
 Cik Nik Nur Atikah Bt Abdullah  
 Cik Nur Hanis Bt Wahab

**Jawatankuasa Kecil Pereka Grafik**

Pn Farah Farhana Ab Malek

**Jawatankuasa Kecil Promosi**

Cik Nur Sabrina Shaari

En Razali Mohd Din

En Nurul Ikwana Mohd Shuhaimi

**Jawatankuasa Kecil Gerai Pameran**

**dan Jualan**

Cik Nik Nurul Atikah Nik Mahmud

Cik Nurul Adilah Che Soh

**Jawatankuasa Kecil Persegaran VVIP**

Cik Wan Norahliani Wan Madarazaman

Pn Shazwani Sanusi

**Jawatankuasa Kecil Persegaran Umum**

Pn Nur Aina Othman

**Jawatankuasa Kecil Nurseri**

Cik Susilawati Hassan

**Jawatankuasa Kecil Keselamatan**

**& Lalulintas**

En. Mohammad Abdul Aziz Mohamad Zin

Puan Norma Salleh

Wan Siti Nur Nazihah Wan Yusoff

**Jawatankuasa Kecil Kaunter Mini**

**Studio & Photobooth**

Cik Nur Aqilah Hassan

Cik Tasnin Ibrahim

**Jawatankuasa Kecil Pengangkutan &**

**Logistik**

En. Muhammad Hilmi P. Rameli

En. Muhammad Arif Mohd. Nor

En. Ahmad Mustapha Ab Azais

**Jawatankuasa Persembahan**

Pn Norriha Ab Ghani

Pn Rahimah bt Rani

Pn Nikmatul zaikha bt khamis

Pn Ruhaya zakaria

Pn Munaawarah Hasbiah Mahmood

Pn Samsiah Hayat

Pn Noor Hiluani Shafie

**Pegawai Pengiring**

Pn Nur Aisyah Mohamad Adnan

Pn Fadilah Salleh

Cik Wan Nazihah Wan Mamat

Pn Nor Hasidah Ismail

Cik Siti Rohana Mohd Ali

Cik Norsaniah Omar

Pn Maisuri Ismail

Cik Husnida Hashim

Pn Siti Zainah Mohd Zawawi

Cik Faridah Salleh

Pn Nur Atikah Che Alim

Cik Nur Syawalleena Mohd Shamsudin

Cik Anis Alwani Wan Nawang

Pn Nik Nurhakimah Nik Din

Pn Ruhayah Sakinah Kayati

Pn Nur Hidayah Adnan

Pn Rosemaliza Muhamad

Cik Majdatunnabilah Ilyas

**Jawatankuasa Kecil Sekretariat**

Pn Aimi Munirah Ab Aziz

Pn Mazidah Mohamad

Cik Tuan Nur aisyah Tuan Hassan



## Sukarelawan

Cik Nur Afiqah Mohammed	En Mohamad Arif Amri Haron
Cik Nor Shahira Md Nor	En Mohamad Khairi Mohamad Azmi
Cik Nur Aqilah Mohd Nasir	En Amirul Ahmad Baha Ullah Abdul Ghani
Cik Anis Syazwani Mohd	En Mohamad Danish Kamarul Azhar
Cik Nur Syakirah Mohamed	En Muhammad Iqbal Muhammad Afendi
Cik Nur Hidayah Yusop	En Mukhlis Azman
Cik Siti Asfarena Che Abdullah	En Mohd Izaris Ismail
Cik Noor Shafiqah Mohd Taufik	En Wan Ahmad Asyraf
Cik Norain Arifin	En Ahmad Asyraf Abd Kadir
Cik Amirah Yajit	En Nik Amir Khairi Kamarubalkiah
Cik Noor Hafizah Ramli	En Mohammad Nor Amirul Azhar
Cik Noraimuni Che Sulaiman	En Aiman Alias
Cik Norhaslina Ramli	En Mohd Naquiddin bin Mohd Saifuel Azua
Cik Afifah Mad Alwi	En Amirul Hakim Safiin
Cik Nur Hanisah	En Muhammad Nabil Naufal Mohamed Nasim
Cik Norsahila Mohd Azam	En Ahmad Solihin Bin Sudin
Cik Nurul Nadiyahana Mohamad	En Muhamad Nazieeman Zakaria
Cik Nur Fahimah Abdul Ghapar	En Muhammad Fitmi Abdullah
Cik Nur Raihana Abdullah	En. Abdul Halim Bunyamun
Cik Qurraataina Mohd Fauzi	
Cik Siti Nawal Salwa Ibrahim	
Cik Suriawati Mohamed	
Cik Wan Irdina Wan Adnan	
Cik Siti Nur Amirah Azhar	
Cik Nur Ayuni Syakila Mohd Abdul Ghazi	
Cik Nur Izzati Nasuha Mohd Fauzi	
Cik Fasya Badrina Mohd Sanusi	
Cik Nur Syahirah Zahri	
Nik Ihtisyam Majdah Nik Razi	
Cik Fazlin Nadira Mohd Nasir	
Cik Nurul Aina Hashim	
Cik Zakirah Abdullah	
Cik Fatin Amalina Shukri	
Cik Nik Nur Syuhada Nik Abdullah	
Cik Nik Nur Hakimah Nik Abdullah	
Cik Nur Asmaa Ab Rani	
Cik Nur Alia Athirah Ab Rahim	
Cik Nurul Amirah Sulaiman	
Cik Najwa Sukiman	
Cik Nur Shalabila Hasbulah	
Cik Nur Atiqah Mohd Asri	
Cik Anis Aqilah	
Cik Nur Auni Mohd Roslan	

# Definisi Reka Bentuk Logo Hari Sayyidatina Khadijah



## Pendahuluan

Logo Hari Sayyidatina Khadijah dicipta sempena Sambutan Hari Sayyidatina Khadijah 2016 yang lepas anjuran Urusetia Pembangunan Wanita, Keluarga dan Kebajikan Negeri Kelantan (UPWK).



Logo HSK



Kerongsang HSK



Bunga Cempaka Hutan

## Bentuk 'Bunga Cempaka'

- ❑ Bentuk 'bunga' melambangkan wanita dan sifat kewanitaan.
- ❑ Bunga Cempaka dalam konteks budaya muslimah Kelantan, bunga ini sentiasa diletakkan bersama telekung solat di dalam sejadah atau dipakai bersama sanggul di rambut bertujuan mendapatkan harumannya. Ia melambangkan kasih sayang dan kesucian.
- ❑ Bunga Cempaka berasal dari negara-negara tropika namun sudah diangkat menjadi bunga internasional disebabkan kelebihan harumannya. Keadaan ini bersignifikan dengan hasrat UPWK mengangkat imej lebih ramai wanita Kelantan ke peringkat antarabangsa melalui dasar-dasar yang sudah digubal dan program-program yang telah dilaksanakan.

### **Tujuh kelopak bunga :**

Melambangkan kepelbagaian, kelebihan dan keistimewaan yang dimiliki oleh Wanita Kelantan merangkumi 7 bidang utama iaitu;

- I. Pengurusan rumahtangga.
- II. Pendidikan dan dakwah (Termasuk dalam kategori ini ialah para ibu yang memberi pendidikan informal di rumah, para pendidik di sekolah dan universiti, menjadi pakar akademik dalam pelbagai bidang. Contoh: Agama, sains, kesusasteraan, undang-undang sivil dan syariah, ekonomi dan lain-lain).
- III. Keusahawanan (menjana ekonomi keluarga dan negara).
- IV. Pertanian dan Penternakan.
- V. Politik (Termaktub dalam sejarah, wanita Kelantan terlibat dengan politik sejak berabad lamanya. Antara nama yang masyhur ialah Raja Cik Siti Wan Kembang dan Puteri Saadong).
- VI. Penulisan (dalam pelbagai genre).
- VII. Kesenian dan kebudayaan (termasuk di dalamnya berqasidah, tilawah bertarannum, kraftangan dan lain-lain).

**7 Kelopak** juga merupakan simbol kepada:

- ❑ 7 hari seminggu: Wanita Kelantan sangat menghargai hari-hari kurniaan Allah swt, lalu diterjemahkan dengan sifat memanfaatkannya dengan pengisian dan jadual yang seimbang antara diri, keluarga dan masyarakat.
- ❑ 7 petala langit dan 7 lapisan bumi: Sifat muslimah Kelantan yang banyak mengingati dan tafakkur pada kebesaran Allah SWT
- ❑ 7 syurga dan 7 neraka: Sifat banyak mengingati akhirat dan berwawasan akhirat. 'Ingat akhirat' mampu menjadi pemangkin seseorang berusaha yang terbaik untuk dunia dan akhiratnya.

### **Tulisan Jawi “Khadijah” berwarna Merah:**

Melambangkan cinta wanita Kelantan dalam mendaulatkan Islam sebagai cara hidup kerana tulisan Jawi sangat akrab dengan khat al-Quran itu sendiri yang menjadi rujukan atau manual hidup utama umat Islam.

**Warna merah** yang melatari tulisan Jawi melambangkan keberanian wanita Kelantan dalam melaksanakan gagasan Membangun Bersama Islam yang sudah diterokai lebih 25 tahun.

### **Warna Putih yang melatari keseluruhan logo**

Gabungan warna-warni pada 7 kelopak akhirnya menjadi putih seperti mana warna asal Bunga Cempaka

Putih melambangkan kekuatan spiritual. Sifat suci hati yakni ikhlas menjadi asas kepada semua perilaku positif. Juga melambangkan sifat rendah diri, anggun, berakhlak mulia dan sentiasa berusaha ke arah kesempurnaan diri yang menjadi objektif pihak penganjur dalam mendidik para wanita secara amnya merangkumi semua bangsa, bahasa dan agama rakyatnya.

### **Tulisan Rumi “Khadijah” berwarna Hitam**

Menjelaskan Sambutan Hari Sayyidatina Khadijah yang mendaulatkan **Bahasa Malaysia** sebagai bahasa kebangsaan negara.

SHSK diadakan bersempena Sambutan Hari Wanita dengan mengangkat tema sempena nama **Khadijah binti Khuwailid**, isteri pertama Rasulullah s.a.w yang menjadi insan dan wanita pertama beriman dengan Nabi Muhammad s.a.w.

Sambutan ini selari dengan Sambutan Hari Wanita sama ada di peringkat kebangsaan mahu pun peringkat antarabangsa bagi meraikan sumbangan dan pengorbanan wanita kepada agama, keluarga, masyarakat dan negara.

Warna **Hitam** yang melatari tulisan Rumi melambangkan kekuatan selari dengan sifat Hitam yang mengumpul semua kekuatan aura warna-warna lain. Kekuatan ini turut mewakili sifat yakin dan teguh muslimah Kelantan pada dasar dan prinsip Islam sebagaimana teguhnya iman Khadijah r.a di awal sinar Islam menerobos kegelapan jahiliyah kaumnya.

### **Kelopak-kelopak bunga pelbagai warna**

Melambangkan wanita Kelantan yang memiliki kepakaran dalam pelbagai bidang disebabkan ada faktor-faktor pendorong hasil sikap positif yang didefinisikan oleh 7 warna berikut;

Hijau	Melambangkan warna Islam sebagai agama rasmi negara yang didokongi oleh Negeri Kelantan.  Hijau juga melambangkan warna kehidupan berasaskan ilmu dan fakta yang memberi maksud kebanyakan wanita Kelantan menyintai pelbagai ilmu pengetahuan terutama yang berkait agama Islam.
Kuning	Aura energetik, bersemangat tinggi, optimis dan kreatif.
Merah	Berwibawa, berani dan suka melakukan yang terbaik. Juga memberi maksud gigih dan tabah menghadapi cabaran.
Merah jambu	Bersifat penyayang dan memahami.
Ungu	Bijak, berinisiatif dan berdikari.
Biru	Cinta kedamaian, tenang dan jujur.
Hitam	Juga memberi maksud hijab dan memelihara maruah. Hitam pada kelopak bunga mewakili wanita Kelantan yang tampil elegan, menarik dan rapi dalam lingkungan syar'ie.

Penafian:

Logo dan warna logo merupakan rekaan dan pilihan pihak penganjur iaitu Urusetia Pembangunan Wanita, Keluarga dan Kebajikan Negeri Kelantan yang cuba memberi gambaran ciri dan wanita Kelantan sedia ada (Sebahagiannya sudah dibuktikan oleh tokoh-tokoh muslimah Kelantan dalam pelbagai bidang sejak generasi terdahulu hingga sekarang). Juga sebagai gagasan jauh ke hadapan untuk dipenuhi aspirasi positif tersebut oleh generasi ummah yang lebih baik di masa-masa akan datang, dengan izin Allah SWT jua. Ia sekali-kali tidak bermaksud memberi gambaran yang tidak realistik tentang wanita Kelantan secara umum kerana pihak UPWK sedar di sana masih banyak ruang dan medan yang perlu diperbaiki dalam melaksanakan dasar-dasar yang baik untuk membangunkan wanita Kelantan ke arah yang diredai Allah swt.

## *Lagu Tema Hari Sayyidatina Khadijah*

### KHADIJAH AT-TAHIRAH

Menyingkap kembali sirah risalah  
Mewangi semangat srikandi Ummah  
Mu'minah Pertama Saiyyidatina Khadijah  
Qudwah keteguhan wanita solehah

Dia At Tahirah Hadiah Allah  
Dari rahimnya zuriat mulia  
Hidupnya disanjung perginya dikenang  
Wanita terbaik Sayyidatina Khadijah

Harta jiwa raga bukti kesungguhan  
Tak luntur semangat demi kebenaran  
Sebagai isteri peneguh suami  
Sebagai ibu pendidik generasi  
Hartawan Dermawan  
Srikandi Terbilang

Semangat Khadijah terus membara  
Semangat Khadijah membakar jiwa  
Fitrah kelembutan bukan kekurangan  
Kesantunan budi itu kecantikan

The Spirit of Khadijah is flaming warmly in our heart  
The Spirit of Khadijah will always be in our heart  
Her softness and gracefulness is not a sign of her weakness  
The beauty of Khadijah can be seen in her modesty

Kemuliaan Khadijah Mari kita suburkan!  
Kecekan Khadijah Ayuh Semarakkan!  
Tiada noktah dalam perjuangan  
Tiada sempadan mulia pengorbanan

خديجة الكبرى # همتهـا عالية  
أميرة قريش # سيرتهـا غالية  
لا نقطة للنضال والكفاح # لا حدود للتضحية والفداء  
فلنسطر على اوراق الذاكرة مجدهـا الزاهر # لتحيـا على مر العصور قصتهـا العطرة.

## *Logo Majlis Perundingan Wanita Parlimen (MPWP)*



### **Rasional Logo MPWP**

**Lengkung Hitam, Merah dan Hijau** menggambarkan figura seorang wanita, ia juga menggambarkan imej bendera Negeri Kelantan yang menjadi tunjang bagi Majlis Perundingan Wanita ini.

**Jata Kerajaan Negeri** menggambarkan Majlis Perundingan Wanita Kelantan bernaung di bawah Kerajaan Negeri Kelantan.

Secara simboliknya ia menunjukkan majlis ini yang senantiasa melindungi wanita, keluarga dan masyarakat serta menjaga kebajikan mereka.

**Tulisan jawi** melambangkan identiti Kelantan yang memelihara warisan melayu Islam.

**Tiga warna** digunakan dalam logo ini.

**MERAH** melambangkan semangat wanita Kelantan yang berjuang dalam pelbagai aspek kehidupan untuk memartabatkan kedudukan wanita.

**HIJAU** melambangkan Islam sebagai asas kepada Majlis Perundingan Wanita dalam membuat keputusan.

**HITAM** melambangkan komitmen Majlis Perundingan Wanita untuk membela nasib wanita dan keluarga.



خديجة  
HARI SAYYIDATINA  
KHADIJAH



# Tokoh-Tokoh Wanita Kelantan



Sempena

*Hari Sayyidatina Khadijah*

*Agar Dirimu Semulia Khadijah*



**SENARAI TOKOH YANG TELAH DIANUGERAHKAN**



BIL	ANUGERAH	BIL (ORG)	NAMA
1.	Tokoh Ibu Mithali 2005	6	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Hajah Aisyah Ibrahim</li> <li>2. Hajah Che Nab Che Mat</li> <li>3. Timah @ Fatimah Jusoff</li> <li>4. Meriam Hj Mat Sin</li> <li>5. Jeriah @Nafisah Hamat</li> <li>6. Hajah Zainab Isa</li> </ol>
2.	Ibu-Ibu Mithali 2005	80	<b>Seperti Lampiran A</b>
3.	Tokoh Wanita 2006	3	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Puan Hajah Che Nasiah Che Omar</li> <li>2. Hajah Siti Aishah Haji Abdul Rahman</li> <li>3. Hajah Zainab Hassan</li> </ol>
4.	Tokoh Ibu Mithali 2007	5	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Hasiah Ismail</li> <li>2. Hajjah Fatimah Hassan</li> <li>3. Minah Jusoh</li> <li>4. Hajjah Wan Eshah Wan Abdullah</li> <li>5. Nooraini Ismail</li> </ol>
5.	Tokoh Beliawanis 2007	1	1. <b>YB Mumtaz Md Nawi</b>
6.	Ibu-Ibu Mithali 2007	80	<b>Seperti Lampiran B</b>
7	Tokoh Anak Muda (Ulama' Muda)	1	1. <b>Nurul Akma Mohamed@ Syeikh Mohd Amin</b>
8.	Tokoh Wanita 2015	5	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Hajah Che Rahmah @ Mek Bung Abu Bakar</li> <li>2. Prof Dr Siti Amrah Sulaiman</li> <li>3. Wan Siti Normah Wan Ishak</li> <li>4. Che Minah Awang</li> <li>5. Dr Hafidzah Mustakim</li> </ol>
9	Tokoh Wanita Kelantan Antarabangsa Tokoh Sayyidatina Khadijah 2016	2	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. <b>Profesor Emeritus Datuk Dr. Nik Safiah Karim</b></li> <li>2. <b>Datin Bentara Setia Tuan Sabariah Tuan Ishak</b></li> </ol>
10.	Tokoh Suri Mithali DUN 2017	45	<b>Seperti Lampiran C</b>

## Lampiran: A

### SENARAI IBU-IBU MITHALI PARLIMEN 2005

BIL	IBU MITHALI	PARLIMEN	NAMA
1	IBU MITHALI 2005	P. CHEPA	Puan Wan Rafiah bt Wan Ali
2	IBU MITHALI 2005	P.CHEPA	Puan Minah bt Abd Kadir
3	IBU MITHALI 2005	P.CHEPA	Puan Maziah bt Abdullah
4	IBU MITHALI 2005	P.CHEPA	Puan Unaizah bt Hj Che Mat
5	IBU MITHALI 2005	K. KERIAN	Puan Salma bt Hj Idris
6	IBU MITHALI 2005	KOTA BHARU	Puan Siti Shara@ Siti Shariah bt Hj Che Long
7	IBU MITHALI 2005	KOTA BHARU	Puan Siti Zainab bt Yusof
8	IBU MITHALI 2005	PASIR MAS	Puan Che Som bt Ismail
9	IBU MITHALI 2005	TUMPAT	Puan Bunga bt Saman
10	IBU MITHALI 2005	KOTA BHARU	Puan Faridah bt Ismail
11	IBU MITHALI 2005	KOTA BHARU	Puan Che Eshah bt Che Awang
12	IBU MITHALI 2005	KOTA BHARU	Puan Siti Hawa bt Abu Bakar
13	IBU MITHALI 2005	PASIR MAS	Puan Wan Zainab bt Che Tahir
14	IBU MITHALI 2005	KUALA KRAI	Puan Zawiah bt Mohd Yazit
15	IBU MITHALI 2005	KOTA BHARU	Puan Hajjah Wan Zaimah@ Wan Zurky bt Hj Wan Abdullah
16	IBU MITHALI 2005	KUALA KRAI	Puan Sepiah bt Saamah
17	IBU MITHALI 2005	MACHANG	Datin Hajjah Hasnah bt Salleh
18	IBU MITHALI 2005	KUALA KRAI	Puan Hajjah Fatimah bt Hj Daud
19	IBU MITHALI 2005	KETEREH	Puan Nik Khadijah bt Nik Mohd Amin
20	IBU MITHALI 2005	KOTA BHARU	Puan Wan Faridah bt Wan Adam
21	IBU MITHALI 2005	KETEREH	Puan Hamidah bt Ab Rahman
22	IBU MITHALI 2005	KETEREH	Puan Che Gayah bt Awanglah
23	IBU MITHALI 2005	TUMPAT	Puan Hajjah Che Mas bt Che Hak
24	IBU MITHALI 2005		Puan Siti Hatijah bt Abdul Hamid
25	IBU MITHALI 2005	KOTA BHARU	Puan Minah bt Deraman
26	IBU MITHALI 2005	JELI	Puan Zainab bt Daud
27	IBU MITHALI 2005	JELI	Puan Che Azizah bt Setapa
28	IBU MITHALI 2005	KUALA KRAI	Puan Azizah bt Yaakub
29	IBU MITHALI 2005	KOTA BHARU	Puan Ramlah bt Mat
30	IBU MITHALI 2005	MACHANG	Puan Hjh Zainab bt Hj Abdullah
31	IBU MITHALI 2005	MACHANG	Puan Fatimah@ Wan Hasmah bt Wan Abdullah
32	IBU MITHALI 2005	MACHANG	Puan Bidah bt Harun
33	IBU MITHALI 2005	KOTA BHARU	Puan Khadijah bt Omar
34	IBU MITHALI 2005	KOTA BHARU	Puan Mariam bt Mt Daud
35	IBU MITHALI 2005	P.CHEPA	Puan Meriah bt Yaakob
36	IBU MITHALI 2005	KOTA BHARU	Puan Wan Faizah bt Ab Kadir

### SENARAI IBU-IBU MITHALI PARLIMEN 2005

BIL	TOKOH IBU MITHALI	PARLIMEN	NAMA
37	IBU MITHALI 2005		Puan Zaharah bt Muda
38	IBU MITHALI 2005	KUALA KRAI	Puan Siti Eshah@ Zamrah bt Hassan
39	IBU MITHALI 2005	MACHANG	Puan Zainab bt Omar
40	IBU MITHALI 2005	KETEREH	Puan Hajjah Azizah bt Ahmad Zain
41	IBU MITHALI 2005	DUN PANCHOR	Puan Rahmah bt Sulaiman
42	IBU MITHALI 2005	KUALA KRAI	Puan Che Zarimah bt Mohammed
43	IBU MITHALI 2005	KOTA BHARU	Puan Sema bt Yamat
44	IBU MITHALI 2005	P.CHEPA	Puan Halimah bt Pawanteh
45	IBU MITHALI 2005	TANAH MERAH	Puan Che Halipah bt Che Mat Amin
46	IBU MITHALI 2005	TANAH MERAH	Puan Wan Kamariah bt Wan Abdul Rahman
47	IBU MITHALI 2005	PASIR MAS	Puan Zainun@ Hasmah bt Sulaiman
48	IBU MITHALI 2005	TANAH MERAH	Puan Sabariah bt Che Harun
49	IBU MITHALI 2005	TANAH MERAH	Puan Siti Zaharah bt Ishak
50	IBU MITHALI 2005	JELI	Puan Zainab bt Ab Hamid
51	IBU MITHALI 2005	TANAH MERAH	Puan Mek Som@ Cik Som bt Hassan
52	IBU MITHALI 2005	KUALA KRAI	Puan Zawiyah bt Loman
53	IBU MITHALI 2005	TANAH MERAH	Puan Che Som bt Berhim
54	IBU MITHALI 2005	KETEREH	Puan Siti Khalijah bt Ismail
55	IBU MITHALI 2005	TUMPAT	Puan Hajjah Nik Azizah bt Daud
56	IBU MITHALI 2005	TUMPAT	Puan Ramlah bt Hj Mat
57	IBU MITHALI 2005	TUMPAT	Puan Bunga bt Senik
58	IBU MITHALI 2005	TUMPAT	Puan Kesong bt Awang Kechil
59	IBU MITHALI 2005	KUBANG KERIAN	Puan Hajjah Hanasif bt Yusuff
60	IBU MITHALI 2005	KUBANG KERIAN	Puan Siti Nor bt Husain
61	IBU MITHALI 2005	KOTA BHARU	Puan Wan Aminah bt Wan Ibrahim
62	IBU MITHALI 2005	TUMPAT	Puan Che Anisah bt Hj Che Yahya
63	IBU MITHALI 2005	MACHANG	Puan Zainab bt Hj Yahya
64	IBU MITHALI 2005	GUA MUSANG	Puan Hasmah bt Mohamed
65	IBU MITHALI 2005	JELI	Puan Siti Asihk bt Md Husain
66	IBU MITHALI 2005	KETEREH	Puan Bainah bt Sulong
67	IBU MITHALI 2005	PASIR MAS	Puan Wan Zainab@ Wan Hasanah bt Wan Ali
68	IBU MITHALI 2005	PASIR MAS	Puan Che Meriam bt Che Din

**SENARAI IBU-IBU MITHALI PARLIMEN 2005**

BIL	IBU MITHALI	PARLIMEN	NAMA
69	IBU MITHALI 2005	PASIR MAS	Puan Hajjah Sawiyah bt Hj Abdul Rahman
70	IBU MITHALI 2005	PASIR MAS	Puan Hasnah bt Ismail
71	IBU MITHALI 2005		Puan Azizah bt Awang Hamat
72	IBU MITHALI 2005	KOTA BHARU	Puan Siti Normah@ Norma bt Abu Bakar
73	IBU MITHALI 2005	TUMPAT	Puan Che Zainab bt Che Husin
74	IBU MITHALI 2005	MACHANG	Puan Bidah bt Mahmood
75	IBU MITHALI 2005	PASIR MAS	Puan Mek Jah bt Abdullah
76	IBU MITHALI 2005	PASIR MAS	Puan Siti Zaharah bt Yaacob
77	IBU MITHALI 2005	PASIR MAS	Puan Sepiah bt Deris
78	IBU MITHALI 2005	PASIR MAS	Puan Che Hasiah bt Mamat
79	IBU MITHALI 2005	PASIR MAS	Puan Hasmah bt Yaacob
80	IBU MITHALI 2005	TUMPAT	Puan Mai Selamah bt Ahmad

## Lampiran : B

**SENARAI IBU-IBU MITHALI PARLIMEN 2007**

BIL	IBU MITHALI	PARLIMEN	NAMA
1	IBU MITHALI 2007	PASIR PUTEH	Mazirah Ma'arof
2	IBU MITHALI 2007	TANAH MERAH	Puan Zainab bt Kadir
3	IBU MITHALI 2007	TUMPAT	Wan Hanisah Wan Ibrahim
4	IBU MITHALI 2007		Fatimah Mohamed Noor
5	IBU MITHALI 2007	GUA MUSANG	Noor Halida Hassan
6	IBU MITHALI 2007	GUA MUSANG	Aina Zakaria
7	IBU MITHALI 2007	GUA MUSANG	Wan Azizah bt Abdullah
8	IBU MITHALI 2007	KOTA BHARU	Pn. Hjh Wan Yam Wan Sulaiman
9	IBU MITHALI 2007	P.CHEPA	Narma Abd Rahman
10	IBU MITHALI 2007	KOTA BHARU	Nik Kamariah Nik Mustafar
11	IBU MITHALI 2007	KOTA BHARU	Hjh Zahariah Yusoff
12	IBU MITHALI 2007	KOTA BHARU	Nor Bibi Abdullah
13	IBU MITHALI 2007	KOTA BHARU	Asmah Junoh
14	IBU MITHALI 2007	KOTA BHARU	Rohani Yaakub
15	IBU MITHALI 2007	KUALA KRAI	Wan Siti Normah Wan Ishak
16	IBU MITHALI 2007	PASIR MAS	Rugayah Mustafha
17	IBU MITHALI 2007	TANAH MERAH	Saudah Mohd Salleh
18	IBU MITHALI 2007	KOTA BHARU	Che Halimah Che Hussin
19	IBU MITHALI 2007	TUMPAT	Wan Esah Wan Kadir
20	IBU MITHALI 2007	TUMPAT	Ainon Ahan
21	IBU MITHALI 2007	TUMPAT	Jawahir Daud
22	IBU MITHALI 2007	PASIR MAS	Wan Zinah Wan Mat

**SENARAI IBU-IBU MITHALI PARLIMEN 2007**

BIL	IBU MITHALI	PARLIMEN	NAMA
23	IBU MITHALI 2007	TUMPAT	Hasbah Sa'aid
24	IBU MITHALI 2007	KUALA KRAI	Fatimah Awang Lah
25	IBU MITHALI 2007	P. CHEPA	Wan Ashiah Wan Nawang
26	IBU MITHALI 2007	GUA MUSANG	Zainun Mahmood
27	IBU MITHALI 2007	PASIR MAS	Siti Esah Daud
28	IBU MITHALI 2007	KOTA BHARU	Hjh Sabariah Ibrahim
29	IBU MITHALI 2007	TUMPAT	Zalilah Mat
30	IBU MITHALI 2007	BACHOK	Shamsiah Mohamad Saad
31	IBU MITHALI 2007	KUALA KRAI	Lijah @ Khadijah Hamat
32	IBU MITHALI 2007	P.CHEPA	Raja Kelthum raja Yusoff
33	IBU MITHALI 2007	KUALA KRAI	Che Bidah @ Siti Zubaidah S Mubarak
34	IBU MITHALI 2007	KUALA KRAI	Napisah Yusoff
35	IBU MITHALI 2007	KUALA KRAI	Siti Robiah Yusoff
36	IBU MITHALI 2007	PASIR MAS	Sapinah Hj Mohd Daud
37	IBU MITHALI 2007	KOTA BHARU	Faridah Nor
38	IBU MITHALI 2007	KUALA KRAI	Hjh Fatimah Hj Daud
39	IBU MITHALI 2007	BACHOK	Che Esah Mamat
40	IBU MITHALI 2007	P.CHEPA	Zawiah Ab Ghani
41	IBU MITHALI 2007	KUALA KRAI	Wan Kembang Muda
42	IBU MITHALI 2007	PASIR MAS	Siti Zaharah Yaacob
43	IBU MITHALI 2007	PASIR PUTEH	Tuan Zarah Tuan Senik
44	IBU MITHALI 2007	KOTA BHARU	Anisah @ Fatimah Mohd Zain
45	IBU MITHALI 2007	KUBANG KERIAN	Hanasif Yusoff
46	IBU MITHALI 2007	TUMPAT	Meriam Zubaidah Mahmood
47	IBU MITHALI 2007	KOTA BHARU	Kamariah Mat Daud
48	IBU MITHALI 2007	KOTA BHARU	Che Kamariah Muhammad
49	IBU MITHALI 2007	P.CHEPA	Che Esah Hamzah
50	IBU MITHALI 2007	TUMPAT	Ummi Kalthom Abdullah
51	IBU MITHALI 2007	P.CHEPA	Sharipah Hasan
52	IBU MITHALI 2007	PASIR MAS	Hasmah Yaacob
53	IBU MITHALI 2007	TUMPAT	Sabariah Ismail
54	IBU MITHALI 2007	TUMPAT	Rakiah @ Mek Embong Yusoff
55	IBU MITHALI 2007	TUMPAT	Azizan Nik Mohamad
56	IBU MITHALI 2007	TUMPAT	Hasanah Harun
37	IBU MITHALI 2007	TUMPAT	Fatimah Ab Rahman
38	IBU MITHALI 2007	TUMPAT	Anisah Abdul Rahman
39	IBU MITHALI 2007	BACHOK	Zawiyah Mohamed
40	IBU MITHALI 2007	TUMPAT	Selamah Awang

**SENARAI IBU-IBU MITHALI KAWASAN 2007**

BIL	TOKOH IBU MITHALI	PARLIMEN	NAMA
61	IBU MITHALI 2007	KUALA KRAI	Hasimah Idrus
62	IBU MITHALI 2007	KOTA BHARU	Anisah Che Daud
63	IBU MITHALI 2007	PASIR MAS	Ramlah Said
64	IBU MITHALI 2007	PASIR MAS	Habsah Loman
65	IBU MITHALI 2007	MACHANG	Setawa Daud
66	IBU MITHALI 2007	TUMPAT	Rokiah Ab Rahim
67	IBU MITHALI 2007	KUALA KRAI	Rahmah Yusof
68	IBU MITHALI 2007	PASIR PUTEH	Minah Ali
69	IBU MITHALI 2007	TUMPAT	Siti Hamlah Mat Yuni
70	IBU MITHALI 2007	PASIR TUMBOH	Samihah Abd Aziz
71	IBU MITHALI 2007	KUALA KRAI	Rofiah Jaafar
72	IBU MITHALI 2007	GUA MUSANG	Zakiah Yaacob
73	IBU MITHALI 2007	PASIR MAS	Hafsah Mat Husain
74	IBU MITHALI 2007	KOTA BHARU	Rahimah Mamat
75	IBU MITHALI 2007	KETEREH	Hjh Zainab Abdullah
76	IBU MITHALI 2007	PASIR PUTEH	Rasiah Muhmad
77	IBU MITHALI 2007	PASIR MAS	Hamidah Hamat
78	IBU MITHALI 2007	GUA MUSANG	Hasmah Mohamad
79	IBU MITHALI 2007	KOTA BHARU	Fahimah Mahmood
80	IBU MITHALI 2007	KOTA BHARU	Hjh Che Anisah Hj Che Yahya

**SENARAI TOKOH SURI MITHALI KAWASAN 2017**

BIL	NAMA	DUN	PARLIMEN
1.	Datin Hajah Hasnah bt Salleh	Temangan	Machang
2.	Puan Shamsiah bt Mat Adam	Kemuning	
3.	Puan Rahimah bt Jusoh	Pulai Chondong	
4.	Puan Hajah Rahimah bt Deraman	Tanjong Mas	Kota Bharu
5.	Puan Nasma bt Ibrahim	Bunut Payong	
6.	Puan Fatimah bt Yacob	Kota Lama	
7.	Puan Kamariah bt Wahab	Bukit Panau	Tanah Merah
8.	Puan Zaini bt Abdullah	Kemahang	
9.	Puan Lailani bt Hamzah	Gual Ipoh	
10.	Puan Hajah Aminah bt Ismail	Chempaka	Pengkalan Chepa
11.	Puan Wan Norarini bt Wan Ibrahim	Panchor	
12.	Puan Hj Nik Zainab bt Nik Ibrahim	Kijang	
13.	Puan Wan Zaharah bt Wan Daud	Pengkalan Pasir	Pasir Mas
14.	Puan Kelsom bt Haron	Tendong	
15.	Puan Che Romah bt Mat	Chetok	
16.	Puan Fatimah bt Abu Bakar	Gual Perioik	Rantau Panjang
17.	Puan Azizah bt Md Yasim	Bukit Tuku	
18.	Puan Sarifah bt Che Dollah	Meranti	
19.	Puan Rahimah bt Yaacob	Kadok	Ketereh
20.	Puan Hajah Ramlah bt Taib	Kok Lanas	
21.	Puan Siti Aminah bt Ab Rahman	Melor	
22.	Puan Siti Mas bt Hussin	Ayer Lanas	Jeli
23.	Puan Sabariah bt Ab Rahman	Bukit Bunga	
24.	Puan Zaleha bt Che Omar	Kuala Balah	
25.	Puan Che Jah bt Zakaria	Selising	Pasir Puteh
26.	Puan Salimah bt Mat Ali	Semerak	
27.	Puan Tuan Masitah bte Tuan Mat	Gaal	
28.	Puan Siti Minah@ Sabah bt Hj Ali	Limbongan	Bachok
29.	Puan Che Rohani bt Che Omar	Tawang	
30.	Puan Jaradah bt Abas	Perupok	
31.	Puan Che Fatimah bt Che Omar	Jelawat	Gua Musang
32.	Puan Nisah bt Deris	Paloh	
33.	Puan Che Bungsu bt Junoh	Galas	
34.	Puan Zamidah bt Loman	Nenggiri	Tumpat
35.	Puan Sharifah bt Ali	Pengkalan Kubor	
36.	Puan Mariah bt Ahmad	Kelaboran	
37.	Puan Hajah Safinah bt Ismail	Pasir Pekan	Kuala Krai
38.	Puan Kalthom bt Ismail	Wakaf Bharu	
39.	Puan Fatimah bt Dollah	Mengkebang	
40.	Puan Rukiah bt Hassan	Guchil	Kubang Kerian
41.	Puan Naemah bt Razali	Manek Urai	
42.	Puan Sabariah bt Awang Noh	Dabong	
43.	Puan Azizah bt Ab Rahman	Pasir Tumboh	Kubang Kerian
44.	Puan Saodah bt Mohd Noor	Demit	
45.	Puan Siti Fatimah bt Yusoh	Salor	

**TOKOH SURI MITHALI (SURI  
KEPIMPINAN)**

**YB SITI ZAILAH MOHD YUSOFF**



YB Siti Zailah Mohd Yusoff dilahirkan pada 12 Oktober 1963 di Rantau Panjang, Kelantan hasil perkongsian hidup pasangan petani Mohd Yusoff dan Hjh Che Jah bt Che Pa. Beliau telah mendirikan rumah tangga bersama En. Mat Razali Mohammed yang merupakan seorang guru dan dikurniakan 12 orang anak iaitu 3 lelaki dan 9 perempuan. Namun begitu, dua anak lelaki beliau meninggal dunia ketika masih kecil. Kesemua anaknya telah dididik sehingga berjaya dalam pelbagai bidang terutamanya dalam bidang pengajian Islam. Kini, beliau juga merupakan nenda kepada 13 orang cucu. YB Siti Zailah mendapat pendidikan awal di Sekolah Menengah Rantau Panjang pada tahun 1978 dan menyambung di Sekolah Menengah Ismail Petra (SMIP) pada tahun 1982. Seterusnya beliau menyambung pelajaran sehingga ke peringkat diploma pada tahun 1984 di Universiti Teknologi MARA Shah Alam dalam bidang sains. Kemudian beliau menyambung pengajiannya di Pondok Sungai Durian.

Antara sumbangan dan pencapaian beliau adalah:

**Peringkat Politik:**

1. Pusat : Ketua Dewan Muslimat PAS Pusat (2011 – 2015)
2. Pusat : Timbalan Ketua Dewan Muslimat PAS Pusat (2009-2011)
3. Pusat : Naib Ketua Dewan Muslimat Pas Pusat (2004-2009)
4. Negeri: Ketua Dewan Muslimat Pas Negeri Kelantan (2002-sekarang)
5. Kawasan : Ketua Dewan Muslimat Pas Kawasan (1996-2008)

**Peringkat Negeri dan Negara**

1. Ahli Dewan Rakyat Rantau Panjang : 2008- sekarang
2. Ahli Dewan Negara : 2000-2006
3. Pegawai Unit Dakwah Halaqat DUN Chetok – 1995-2000
4. Timbalan Ketua Pengelola II, Halaqat Negeri
5. Ahli Lembaga Pengarah Permodalan Kelantan Berhad
6. Ahli Lembaga Pengarah Perkumpulan Pertanian Kelantan Berhad
7. Lembaga Hakim Pelawat Depot Tanahan Emigresen
8. Ahli Mesyuarat Majlis Daerah Tanah Merah
9. Ahli J/Kuasa Portfolio Pelancongan Negeri Kelantan
10. Ahli J/Kuasa Portfolio Kebajikan Masyarakat Negeri Kelantan
11. Ahli Lembaga Pengarah Syarikat Ladang Sungai Terah



YB Siti Zailah atau lebih mesra dikenali dengan nama Kak Lah sering turun padang bersama masyarakat atas kesedaran mengembalikan masyarakat kepada cara hidup Islam yang sebenar. Beliau akan turun ke kawasan yang diwakilinya setiap hari kecuali jika mempunyai sidang parlimen dan urusan diluar. Beliau sangat rapat dengan masyarakat dan menganggap rakyat seperti keluarga.

Walaupun sibuk sebagai pemimpin masyarakat, tokoh suri mithali ini berjaya mendidik anak-anaknya hingga ke menara gading. Kesemua anaknya bermula dari yang sulung hingga kelapan merupakan lepasan universiti dari dalam dan luar negara, sementara anak yang kesembilan dan kesepuluh masih menuntut di bangku sekolah. Anaknya yang sulung, Ummulkhair pernah menuntut di Pengajian islamiah Madrasah Darul Zahra, Hadramout, Yaman dan juga merupakan lepasan Jinan Universiti, Lubnan dalam bidang pengajian bahasa Arab. Anak kedua, Ummu Umair dulu belajar di Pengajian Al Quran Hafizah (Faisal Abad, Pakistan). Anaknya yang ke-tiga, Ummu Syuhada melanjutkan pengajian di Universiti of Damuscus, Syria dan merupakan pemegang Ijazah Sarjana Muda Usuluddin (Tafsir) dari Universiti Al-Azhar, Mesir. Abdul Rahman Hilmi Mat Razali, anak keempat telah mendapat Diploma dalam bidang Ekonomi (KUIS) dan merupakan *Founder Smart Khat Resources*.

Anak yang ke-lima, Nursolehah memperolehi Ijazah Sarjana Muda (Syariah-Perbandingan Mazhab), di Jambi, Indonesia dan Ijazah Sarjana ,Master Of Syariah Law (Universiti Malaya, Kuala Lumpur). Seterusnya, anak ke-enam, Raihan Basyirah menuntut di Foundation of Islamic Studies (KUIS), dan anak ke tujuh Nurzahratulhayat sedang belajar tahun pertama di Universiti Al-Azhar, Mesir dalam bidang Usuluddin. Anak ke-lapan, Rabi'atul Adawiyah sedang menuntut dalam Ijazah Sarjana Muda ,Bachelor in Economic and Finance di Kolej Universiti Islam Selangor. Anak ke sembilan, Siti Aisyah Khairiah dan anak ke-sepuluh Sofea Khairunnisa' masih belajar di Maahad Tahfiz AlQuran dan Sekolah Menengah Agama Al-Fallah.

Tugasnya tidak mengira masa, selepas jam 12 malam biasanya beliau dan suami akan turun ke pusat kawalan kampung Skim Rondaan Sukarela (SRS), dan mengagihkan biskut dan minuman buat mereka dan pernah pada satu ketika sehingga jam empat pagi. Sifat mengutamakan rakyat terbukti ketika banjir besar Kelantan 2014, apabila beliau turun sendiri menziarahi dan menyampaikan sumbangan

kepada rakyatnya walaupun rumahnya telah dinaiki air melebihi 10 kaki. Bagi sesiapa yang mengenali Kak Lah akan senang dengan sifatnya yang mesra dan mudah tersenyum. Ketokohan beliau dalam memimpin dan dalam masa yang sama masih dapat mendidik anak-anaknya hingga ke menara gading sangat wajar dijadikan teladan.

**TOKOH SURI MITHALI  
(SURI KEMASYARAKATAN)**

**AMINAH ISMAIL @ NIK  
SHAMSIAH NIK ISMAIL**



Tanggal 31 Disember 1951, bertempat di Sabak, Pengkalan Chepa telah lahir seorang bayi perempuan yang dinamakan Aminah Ismail atau lebih dikenali dengan panggilan Pn Shamsiah. Beliau dibesarkan di dalam keluarga yang sederhana dan telah bertemu jodohnya pada usia muda dengan seorang pemuda bernama Nik Saleh @ Nik Abdullah

Raja Ahmad. Hasil daripada perkahwinan tersebut, mereka dikurniakan seramai 16 orang cahaya mata yang terdiri daripada 9 orang lelaki dan 7 orang perempuan. Aminah merupakan seorang suri rumah yang tabah mendidik anak-anak disamping membantu peniagaan suaminya dari rumah iaitu perniagaan perabot syarikat Nik Lah Sdn Bhd milik suaminya.

Pada tahun 2009, beliau diuji dengan penyakit yang sangat digeruni oleh para wanita iaitu kanser payudara. Beliau terpaksa menjalani rawatan kemoterapi berulang kali dari tahun 2009 hingga Disember 2010. Beliau terus mendapatkan rawatan susulan sehingga pada tahun 2015. Kini, beliau bebas sepenuhnya dari kanser dan beliau telah dijemput beberapa kali oleh pihak hospital seperti Hospital Raja Perempuan Zainab II, Kota Bharu dan Hospital Machang untuk berkongsi pengalaman dan memberi inspirasi kepada orang ramai sebagai bekas pesakit kanser.

Walaupun diuji dengan ujian yang sangat berat, tanggungjawabnya sebagai pengerusi Pusat Pembangunan Wanita Kelantan (PPWK) DUN Chempaka yang saban tahun memenangi pelbagai anugerah yang tidak dilupakan. Antaranya, anugerah Pelajar Terbaik Teori, Pelajar Pratik Terbaik, PPWK Cemerlang, Guru Terbaik pada tahun 2009 dan 2010. Selain itu, PPWK Chempaka juga mendapat anugerah Pelatih Terbaik Keseluruhan pada tahun 2011 dan anugerah Jarum Emas serta Guru Dedikasi pada tahun 2012. Kejayaan PPWK dibawah selianya terus dilakar dengan anugerah Jarum Emas pada tahun 2013 dan dapat mengekalkan anugerah Gunting Emas pada tahun 2014 hingga 2017.

Disamping itu, tokoh suri mithali ini turut memberi sumbangan dan jasa dalam masyarakat terutamanya masyarakat sekitar kampung Tebing Tinggi. Beliau merupakan pengerusi PPWK DUN Chempaka dan ahli jawatankuasa masjid Tebing Tinggi. Selain itu, beliau juga pernah mendapat johan pertandingan masakan tradisional semasa festival kreatif antarabangsa 2013. Jadual dibawah menunjukkan antara kejayaan yang telah dicapai oleh kesemua 16 orang anak Puan Aminah hasil asuhan dan ketabahan tokoh suri mithali ini yang wajar dicontohi.

BIL	NAMA	PENGAJIAN	PEKERJAAN
1	Nik Bahrum Bin Nik Abdullah	Lib- Ijazah Perundangan (Sivil) Lib –Ijazah Perundangan (Syariah),(universiti Islam Malaysia Antarabangsa)	Pegambela & Peguamcara Pegum Syarie
2	Nik Asmawie Bin Nik Abdullah	Sitijil Tinggi Peperiksaan Malaysia (Maahad Muhammadi Lelaki)	Pengurus Besar NIsb Pegarah Jabatan Amal Kelantan
3	Nik Aminuddin Bin Nik Abdullah	Diploma Kejuruteraan Awam (Politeknik Ungku Omar Perak)	Pengusaha Syarikat Pengangkutan
4	Nik Khairani Bt Nik Abdullah	Ijazah Sarjana Muda Syariah (Fiqh Dan Usuludin) Universiti Al-bait, Jordan Diploma Pentadbiran Undang-undang Islam (Universiti Islam Malaysia Antarabangsa)	Guru (Sekolah Kebangsaan Manjalara, Kuala Lumpur)
5	Nik Ruhana Bt Nik Abdullah	Sijil Pelajaran Malaysia (Maahad Muhammadi Perempuan)	Guru Pasti Al Ahmadi Tebing Tinggi
6	Nik Rabihah Bt Nik Abdullah	Sitijil Tinggi Peperiksaan Malaysia (Sekolah Menengah Agama Falahiyah)	Suri Rumah
7	Nik Fadzli Bin Nik Abdullah	Sitijil Tinggi Peperiksaan Malaysia (Sekolah Menengah Kubang Kerian 2)	Pembantu Tadbir (Mpkb)
8	Nik Khairi Bin Nik Abdullah	Ijazah Sarjana Muda Syariah (Indonesia)	Bekerja Sendiri
9	Nik Najmi Bin Nik Abdullah	Ijazah Sarjana Muda Syariah (Kolej Insaniah Kedah)	Guru (Sekolah Menengah Agama Tg Amalin Aisyah Putri)
10	Nik Fathi Bin Nik Abdullah	Ijazah Sarjana Muda Pengurusan Perniagaan, E-dagang (Kolej Islam Antarabangsa )	Pengurus Operasi
11	Nik Muhammad Munir Bin Nik Abdullah	Bsc (Hons) Nursing Practice Development (Universiti Massa)	Penolong Pegawai Perubatan
12	Nik Nur Syuhada Binti Nik Abdullah	Ijazah Sarjana Muda Sains Komputer (Universiti Sabah Malaysia) Ijazah Sarjana Sains Kemasyarakatan (Universiti Sains Malaysia Pulau Pinang)	Bekerja Sendiri
13	Nik Nur Atikah Binti Nik Abdullah	Diploma Pengurusan Pejabat (Uitm, Kuala Terengganu) Ijazah Sarjana Muda Pengurusan Sistem Pejabat (Uitm Dungun)	Penolong Pegawai Tadbir
14	Nik Muhamad Nabil Bin Nik Abdullah	Mahasiswa Tahfiz Al-quran Dan Qiraat (Maahad Qiraat Al-azhar Shoubra, Mesir)	Belajar
15	Nik Nur Ridwana Binti Nik Abdullah	Lib- Ijazah Perundangan (Sivil) Lib –Ijazah Perundangan (Syariah) (Universiti Islam Malaysia Antarabangsa)	Pelatih Dalam Kamar Di Zaid Ibrahim
16	Nik Nur Hakimah Binti Nik Abdullah	Ijazah Sarjana Muda Sains (Biologi) (Uitm Shah Alam)	Menunggu Konvokesyen

TOKOH SURI MITHALI (SURI  
HERO RAKYAT)

**HAZIMAH KHALIPAH**



Hazimah Khalipah telah dilahirkan pada 19 Januari 1960 di Kampung Bunut Payong, Telekong, Kuala Krai, Kelantan hasil perkongsian hidup antara Khalipah bin Salleh dan Zainab Bt Abdullah. Beliau mendapat pendidikan di Sekolah Menengah Hamzah Machang Kelantan dan memperolehi kelulusan M.C.E.

Beliau bertemu pasangan hidupnya Othman B. Yusoff yang merupakan bekas ahli bomba dan mereka dikurniakan lima orang anak yang terdiri daripada tiga lelaki dan dua perempuan. Kesemua anaknya telah berjaya dalam kerjaya dan bidang masing-masing. Anaknya yang sulung, Hasrizal bekerja sendiri, anak yang kedua, Mohd. Hazwan bekerja sebagai tentera laut, anak yang ketiga dan keempat, Hafizah dan Hasna kedua-duanya berkhidmat sebagai guru, dan anak bongsu, Mohamed Hanif kini bekerja di pejabat majlis daerah. Beliau bukan sahaja seorang ibu mithali yang mampu mendidik anak-anaknya, malah beliau adalah seorang yang disegani dan disenangi oleh masyarakat setempat.

Antara sumbangan beliau, ialah pernah bergerak aktif dalam Persatuan Isteri Bomba (PERISMA) dan menjadi penggerak utama persatuan itu dari tahun 2008-2011. Selain itu, beliau juga pernah memegang jawatan penghulu wanita dari tahun 2005-2015 dan juga menjawat jawatan sebagai ahli jawatankuasa koperasi penghulu. Selama 10 tahun memegang jawatan penghulu wanita, pelbagai aktiviti telah disertai. Dia juga pernah mengetuai pasukan keselamatan bagi tetamu kehormat dalam luar negara. Selain itu beliau juga merupakan ahli Majlis Perundingan Wanita Parlimen Kuala Krai (MPWP) semenjak ia ditubuhkan dari 2012 hingga sekarang.

Di samping tugas sebagai seorang isteri dan ibu, beliau juga bekerja sebagai Ahli Majlis Daerah Kuala Krai dari 2015 hingga sekarang. Beliau juga banyak memberi sumbangan tenaga dalam menggerakkan masyarakat setempat. Beliau juga pernah terlibat dalam membantu mangsa banjir ketika banjir besar di Kuala Krai. Kesungguhannya membantu masyarakat melayakkan diri beliau digelar hero rakyat.

TOKOH SURI MITHALI ( SURI  
OKU)

**SHARIFAH RAUDZAH SYED AKIL**



Tanggal 24 Ogos 1973, lahirlah seorang insan istimewa yang bernama Sharifah Raudzah Syed Akil di Rantau Panjang, Kelantan. Pada usia 2 tahun, beliau pernah mengalami demam panas dan insiden ini menyebabkan beliau lumpuh dari pinggang hingga ke kaki. Beliau mendapat pendidikan awal di Sek. Keb. Rantau Panjang, seterusnya di Sekolah Menengah Rantau Panjang dan kemudiannya melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi di Institut Zaaba

Pasir Mas, Pacific Institute of Management, Kuala Lumpur dan Pusat Pemulihan Cheras (Orang Kurang Upaya) di Kajang, Selangor.

Pada 3 Jun 1990, beliau mendirikan rumah tangga dengan Mohd Karuddin Ibrahim yang juga seorang OKU fizikal, dan pasangan ini dikurniakan seorang cahaya mata yang dinamakan Nik Amirul Mukmin.

Walaupun berkerusi roda, insan kelainan upaya ini tidak menjadikan kekurangannya satu penghalang untuk aktif dalam sukan angkat berat, malah beliau telah menyumbang pingat pelbagai warna di pertandingan sukan tempatan dan juga peringkat antarabangsa. Beliau adalah pemenang pingat perak dalam The 2nd ASEAN Paragames Hanoi, Vietnam (2003), dan pingat gangsa dalam pertandingan sukan The 9th FESPIC Games, Kuala Lumpur (2006). Pada tahun 2007, beliau menyertai IWAS World Wheelchair and Amputee Games Taipei, Taiwan dan telah mendapat pingat gangsa kepada negara.

Seterusnya pada tahun 2008 beliau mendapat pingat emas bagi sukan angkat berat di The 3rd ASEAN Paragames Nakhon Ratchasima, Thailand, dan pertandingan Asia Powerlifting Cup Kuala Lumpur serta sukan the 4th ASEAN Paragames Kuala Lumpur (2009). Pada tahun 2010, beliau menyertai Para ASIAN Games Guangzhou, China dan The 5th ASEAN Paragames Solo, Indonesia pada tahun 2011. Tahun seterusnya beliau menyertai The 8th ASEAN Paragames Singapore (2015) dan ParaSUKMA (2016) dalam sukan angkat berat. Terbaru, pada tahun 2017 beliau telah menyertai sukan ASEAN Paragames, Kuala Lumpur dan berjaya menyumbang pingat gangsa.

Pencapaian beliau bukan sahaja sebagai atlet sukan negara malah di peringkat negeri, beliau sangat aktif dalam aktiviti kemasyarakatan dan juga turut menjawat jawatan dalam pelbagai persatuan antaranya pada tahun 2000-2002 beliau merupakan pegawai perhubungan awam dalam Persatuan Insan Istimewa Kelantan. Seterusnya, pada tahun 2002-2010, beliau memegang jawatan sebagai naib pengerusi Persatuan Insan Istimewa Kelantan, dan pada tahun 2004-2010 pula beliau diamanahkan sebagai ketua kelab sukan Persatuan Insan Istimewa Kelantan. Pada tahun seterusnya, tokoh suri mithali ini telah memegang jawatan sebagai setiausaha Persatuan Rekreasi Cakna OKU Darul Naim dan Ahli Jawatankuasa Majlis Persefahaman Pertubuhan OKU Kelantan (MPPOK) dari tahun 2014-2016. Selain itu di peringkat negeri juga, beliau di anugerahkan sebagai Tokoh Sukan OKU pada 2014 dan Tokoh Pemimpin OKU juga pada tahun yang sama.

Segala pencapaian dan sumbangan beliau jelas sekali menunjukkan bahawa beliau mempunyai semangat yang kuat dan kental dalam mengatasi ujian hidup walaupun dari kalangan orang kurang upaya. Namun, di sebalik kekurangan beliau terbukti banyak kelebihan beliau sehingga beliau layak menjadi sumber inspirasi kepada masyarakat terutamanya golongan yang kurang upaya untuk terus tidak berputusa asa dalam kehidupan.

**TOKOH SURI MITHALI (SURI  
KERJAYA)**

**IBTISAM ABDUL GHANI AZMI**



merupakan anak ke-6 dari lapan adik-beradik kepada Allahyarham Drs. Abdul Ghani Azmi Hj Idris dan Hajah Rashidah Wan Ismail. Pada tarikh 12 November 1971, beliau telah diputerikan dan diberi nama Ibtisam binti Abdul Ghani Azmi. Dari susur galur ibunda tercinta, beliau merupakan keturunan daripada Al-Marhum Tok Kemuning, ulama' nusantara tersohor di Machang.

Beliau mendapat pendidikan awal di sekolah SRK Zainab 1 dan melanjutkan pelajarannya di SMA (Arab) Ma'ahad Muhammadi Perempuan. Di sekolah menengah, pencapaian beliau sentiasa membanggakan dan beliau menjadi pelajar terbaik di peringkat Yayasan Islam Kelantan (YIK) untuk peperiksaan PMR, SMU dan SPM berturut-turut. Seterusnya, beliau menyambung pembelajarannya ke Pusat Matrikulasi Universiti Islam Antarabangsa dan kemudiannya berjaya bergraduasi dengan keputusan kelas kedua atas dengan kepujian bagi ijazah sarjana muda dalam jurusan undang-undang, Universiti Islam Antarabangsa. Beliau juga pernah menjawat jawatan sebagai penolong setiausaha agung Persatuan Undang-undang UIA (Sesi 1992/93).

Tokoh wanita bekerjaya ini pernah bekerja di Latihan Amalan Guaman di Tetuan Apandi Ali & Co. Kota Bharu (1995), Peguam di Tetuan Brij Nandan Singh Bhar & Co. Kota Bharu (1996), sebagai Rakan Kongsi dalam Firma Guaman Tetuan Zaid Ibtisam & Co (1997-2003) dan akhir sekali sebagai Rakan Kongsi Utama di Ibtisam & Co sehingga kini. Selain itu, beliau juga pernah memegang jawatan sebagai peguam bagi DUN Demit bagi pilihanraya tahun 2012 dan panel pindaan Enakmen Tatacara Jenayah Syariah 2002 pada tahun 2015 sebelum diluluskan baru-baru ini. Beliau juga pernah terlibat sebagai ahli jawatankuasa LUHAM Negeri Kelantan dan ahli jawatankuasa MUSLET Negeri Kelantan.

Pada tahun 1994, beliau telah bertemu jodoh dengan Dr. Nazmi Bin Ghazali Azmi yang merupakan seorang Pengarah di Unit Pemantauan dan Pelaksanaan Strategik di Pejabat Menteri Besar, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan. Hasil perkahwinan mereka dikurniakan lapan cahaya mata yang terdiri daripada tiga orang lelaki



dan lima orang perempuan. Walaupun beliau sibuk dengan kerjayanya sebagai seorang peguam namun beliau tidak culas dalam melaksanakan tanggungjawab sebagai seorang ibu.

Hasil didikan beliau dan suaminya, anak sulungnya, Al-Farouq Azmi telah melakar satu demi satu kecemerlangan. Anak ini telah dinobatkan sebagai pelajar mithali YIK 2012, pelajar terbaik SPM dan SMU Kelantan tahun 2012 dan 2011, dan tokoh pelajar Maahad Muhammadi (Lelaki) tahun 2012. Kini, Al-Farouq Azmi adalah seorang pelajar perubatan tahun empat di Jordan University of Science and Technology (JUST). Di sana anaknya ini telah mengukir kecemerlangan dengan mendapat anugerah dekan pada tahun 2013, malahan turut aktif sebagai Presiden Mahasiswa JUST pada tahun 2014/2015.

Anak yang kedua pula, Ain Atiya Azmi, kini sedang menuntut di tahun pertama dalam jurusan ekonomi, UIAM. Anak ini juga dulu turut mendapat anugerah pelajar terbaik SPM Kelantan dan merupakan Tokoh Pelajar Maahad Muhammadi (Perempuan) pada tahun 2014. manakala anak ketiganya, Ain Tasnim Azmi, 18, kini sedang menuntut di Darul Quran. Ain Tasnim juga turut meneruskan kecemerlangan keluarganya dengan menjadi Pelajar Ketiga Terbaik SPM Kelantan Tahun 2016. Anak keempat yang bernama Al-Feissal Azmi, 16, yang sedang belajar di Maahad Muhammadi (Lelaki) pernah mendapat Juara Debat Parlimen A-Level Kelantan Tahun 2017. Anak kelima beliau, Ain Qitrin Azmi sedang belajar di Maahad Muhammadi (Perempuan) dan dahulunya pernah menjawat jawatan sebagai Ketua Pengawas SK Demit 1. Seterusnya, anak keenam hingga kelapan, Al Fateh Azmi, Ain Kamilia Azmi dan Ain Adenin Eliyeen Azmi masing-masing masih menuntut di sekolah rendah iaitu di SK Demit 1. Melihat kepada kecemerlangan dan senarai anugerah yang diterima anak-anaknya, membuktikan bahawa walaupun beliau bekerjaya, tapi tanggungjawab mendidik anak-anak tidak pernah diabaikan.

Tokoh Suri Kerjaya ini adalah seorang yang amat komited dan gigih serta jujur dalam kerjaya serta sentiasa suka dan cepat untuk mempelajari dan menerokai perkara-perkara baru. Beliau mudah bekerjasama dengan semua pihak dan amat disukai dan disegani oleh masyarakat. Ketokohan beliau dalam mendidik anak-anak dalam masa yang sama seorang yang bekerjaya sebagai peguam sangatlah memberi inspirasi kepada semua wanita lain pada masa kini.

TOKOH SURI MITHALI (SURI  
LESTARI)

**WAN NORIAH WAN RAMLI**



Wan Noriah Wan Ramli atau lebih dikenali sebagai Kak Yah, lahir pada 27 Mei 1956 di Kampung Pulau, Kubang Kerian. Kak Yah adalah anak kedua daripada tujuh orang adik-beradik. Beliau adalah seorang usahawan wanita yang berjaya dengan perusahaan Min House Camp. Min House Camp (MHC) terletak di Kubang Kerian. MHC dimiliki sepenuhnya oleh Kak Yah dan suami (bekas guru), diberi nama sempena nama anak istimewa mereka, Min. Beliau memulakan perniagaan ini selepas bersara pada tahun 2010. Beliau mempunyai 5 orang anak dan Kak Yah juga merupakan Presiden Persatuan Sindrom Down Negeri Kelantan.

Antara pencapaian beliau ialah beliau pernah terlibat sebagai Member Koperasi Groombig Negeri Kelantan, Member Malaysia Nature Society (MNS), Member Matta, Ahli Jawatankuasa Hotel Budget Malaysia (MyBhA), Ahli Jawatankuasa Persatuan Organik Negeri Kelantan, Bendahari Persatuan Apiterapi Malaysia, dan akhir sekali sebagai Presiden Persatuan Sindrom Down Kelantan hingga kini.

Sebelum itu, beliau pernah bekerja sebagai pembantu tadbir bandar di Lembaga Kemajuan Terengganu Tengah (1980-1985) dan sebagai penolong pegawai Tadbir Tertinggi di Universiti Sains Malaysia, Kubang Kerian (1985-2010). Ianya jelas terbukti bahawa beliau sangat berpengalaman dan juga seorang yang aktif dalam aktiviti kemasyarakatan.

Tokoh suri mithali ini tidak menjadikan alasan mempunyai anak istimewa sindrom down sebagai sebab untuk mengeluh. Sebaliknya beliau bangkit menjadikan ia sebagai satu inspirasi untuk mengusahakan resort yang mesra OKU dan mesra alam. Resort beliau, 'Min House Camp' yang berkonsepkan semula jadi sering mendapat pelbagai penghargaan dan menjadi tumpuan para pencinta alam. Keaktifan beliau dalam mengusahakan resort mesra alam dan menghasilkan pelbagai produk semula jadi turut mendapat pengiktirafan apabila beliau pernah dinobatkan sebagai Tokoh Gerakan Usahawan. Walaupun sibuk menguruskan perusahaan resort, beliau tetap aktif dalam membela nasib anak-anak sindrom down dan merupakan presiden Persatuan Sindrom Down.

**TOKOH SURI MITHALI (SURI  
INSPIRASI)**

**DATIN NIK ZULAILI NIK  
YAACOB**



Nik Zulaili Nik Yaacob dilahirkan pada 28 Nov 1971 di Kedai Kemuning, Machang. Beliau merupakan anak sulung daripada 12 adik beradik. Ayahnya merupakan seorang guru dan ibunya adalah seorang suri rumah. Beliau mendapat pendidikan awal di Sek Keb Machang, Sek Keb Dabong dan seterusnya di SRK Hamzah Machang. Kemudian mendapat pendidikan aliran agama di Maahad Muhammadi (P) dari tahun 1984-1990. Beliau seterusnya melanjutkan pelajaran ke Universiti Islam Antarabangsa Malaysia dan menamatkan pengajian pada tahun 1995.

Di samping itu, beliau merupakan isteri kepada pendakwah tersohor tanah air yang tidak perlu diperkenalkan lagi, Dato' Dr. Abdul Basit Abd Rahman. Hasil dari perkongsian hidup, mereka dikurniakan 6 orang cahaya mata, 5 putera dan seorang puteri. Sebagai seorang suri rumah beliau akan memastikan anak-anaknya mendapat didikan yang sempurna di rumah. Hasil didikan mereka suami isteri, seorang demi seorang anak anak mereka ini telah melakar kejayaan di pelbagai peringkat, natijah dari pendidikan yang bermula dari rumah.

Anak yang sulung bernama Anas bin Abdul Basit berumur 19 tahun dan sedang menuntut di tahun satu di Universiti Antarabangsa Islam Malaysia pernah dinobatkan sebagai Pelajar Terbaik Yayasan Islam sempena Sambutan Maal Hijrah 1439H Peringkat Negeri dan juga pernah mendapat anugerah Pelajar Mithali YIK 2017. Anak keduanya, Amir berusia, 18 telah menjadi Pelajar Terbaik STPM 2016 dengan pencapaian 12A. Asim,16 dan As'ad,14 adalah anak ketiga dan keempat mereka juga sedang menuntut di sekolah yang sama seperti abangnya Amir di Maahad Tahfiz Wal Qiraat Pulau Chondong. ketiga-tiga putera mereka telah menerima anugerah tertinggi kecemerlangan dalam setiap peperiksaan awam sempena Mesyuarat Agong PIBG & Penyampaian Hadiah di Maahad Tahfiz Quran Wal Qiraat, Pulau Chondong. Tambahan lagi, beliau adalah merupakan salah seorang daripada tenaga pengajar sambilan di Pondok Sungai Durian, Kuala Krai yang sentiasa sabar dalam mendidik para pelajar demi pembangunan ummah. Tambahan lagi, dengan minat yang mendalam dalam pengajian dan pendidikan beliau sentiasa menghabiskan masa lapangnya dengan membaca dan menulis bagi meningkatkan ilmu pengetahuannya. Justeru, wajarlah beliau dicontohi.

TOKOH SURI MITHALI  
(BUAH HATI SURI)

## NUR ZULFATUL INSYIRAH ZAMRI



Nur Zulfatul Insyirah telah dilahirkan pada 14 Februari 2004 di Hospital Raja Perempuan Zainab dan menetap di Kubang Kerian, Kelantan. Buah hati suri ini adalah anak kepada Zakiah Sharhah Bt Hussin dan Zamri Bin Md Noor dan kedua ibu bapa beliau merupakan seorang pendidik yang berjaya. Beliau adalah anak ke 3 daripada 5 orang adik beradik. Beliau sedang belajar di Sekolah Menengah Agama Tengku Amalin A'ishah Puteri.

Di samping itu, beliau merupakan seorang anak yang aktif di sekolah dan di rumah. Beliau telah memenangi pelbagai anugerah terutama dalam bidang tilawah al-Quran. Beliau bergiat aktif dalam bidang ini sejak dari sekolah rendah yang mana beliau mendapat Johan Negeri Kelantan selama 4 tahun berturut-turut dari tahun 2013-2016. Selain itu, beliau juga turut memenangi Naib Johan Kebangsaan selama 3 tahun berturut-turut dari tahun 2014-2016.

Seterusnya, beliau menyambung pelajarannya ke peringkat sekolah menengah dan memegang jawatan sebagai ketua kelas. Di peringkat sekolah menengah beliau tetap masih bergiat aktif dalam bidang tilawah Al- quran dan sering kali menerima undangan dari berbagai agensi dalam negeri bagi mempersembahkan tilawahnya. Beliau telah memenangi Johan Negeri Kelantan kali ke 5 pada tahun 2017. Beliau juga pernah menjadi peserta tunggal negara perempuan yang mewakili Malaysia ke pertandingan Tilawah Al-quran Kanak-Kanak Peringkat Antarabangsa di Doha, Qatar pada bulan Mac 2017 yang lalu dan telah mendapat tempat ke-19 daripada 52 orang peserta dari seluruh dunia.

Anak emas ini tampil dengan bakat yang istimewa hasil daripada didikan ibu ayah yang soleh dan solehah serta sekali gus menjadi kebanggaan orang ramai. Justeru, wajarlah beliau menjadi ikon kepada orang ramai terutamanya rakan sebayanya agar sama-sama turut mendalami ilmu Al quran ini pada usia muda.

TOKOH SURI MITHALI (SURI EMAS)

## DATIN HAJAH HASNAH SALLEH



Datin Hajah Hasnah Salleh telah dilahirkan pada 19 Jun tahun 1947 di Kg. Pulau Gajah, Pengkalan Chepa. Walaupun lahir di Pengkalan Chepa, beliau bermastautin di Machang. Beliau telah mendapat pendidikan di Sek. Men. Arab Tarbiah Mardiah Panchor dan juga Sek. Men. Zainab, Telipot Kota Bharu.

Beliau adalah balu kepada Allahyarham Dato' Hj. Hassan bin Muhamed, dan hasil perkahwinan ini telah dianugerahkan dengan 4 orang putera dan seorang puteri. Allahyarham Dato' Haji Hassan pernah menjawat jawatan sebagai Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan Kerajaan Kelantan dan juga ADUN Temangan dan selepas itu Kemuning selama tiga penggal bermula pada 1995 hingga 2008 iaitu selama 13 tahun. Sebagai isteri kepada pemimpin masyarakat, Datin Hajah Hasnah aktif dengan pelbagai aktiviti masyarakat setempat dan sering hadir ke program-program bersama rakyat.

Hasil didikan dari beliau dan suami, kesemua lima orang anak beliau berjaya melanjutkan pelajaran di universiti tempatan dan luar negara. Anak sulung beliau, YB Dato' Dr. Haji Mohamed Fadzli adalah lepasan dari UIAM dalam bidang syariah, lepasan University of Warwick dalam Master in Comparative Laws, dan pemegang ijazah kedoktoran dari University of Birmingham dalam Comparative Laws. YB Dato' Dr. Haji Mohamed Fadzli turut mengikut jejak langkah ayahnya dengan menjadi ADUN Temangan dan kini adalah Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Insan, Pendidikan dan Pengajian Tinggi kerajaan negeri Kelantan. Anak ke-dua, Dr. Ahmad Muhyuddin adalah pensyarah di UTM Skudai dan merupakan lepasan dari University of Leeds dalam Master in Islamic Art dan mendapat ijazah kedoktoran dari Universiti Kebangsaan Malaysia.

Anak yang ke-tiga, Shahrul Akram adalah seorang peguam dan merupakan alumni UIAM. Adiknya, Fadhilah Hayani adalah pemegang

ijazah Sarjana Muda dari Universiti Malaya dan sekarang ini menabur bakti sebagai seorang pendidik. Anak bongsu kepada Datin Hajah Hasnah yang bernama Khairul Anuar adalah lepasan dari UIAM dalam bidang perundangan dan sekarang ini bekerja sebagai seorang pengurus bank.

Walaupun semakin menginjak usia emas, Tokoh Suri Emas yang berusia 70 tahun ini tetap terus aktif menyumbang kepada masyarakat walaupun tidak lagi bergelar isteri Yang Berhormat.

Beliau turut giat membantu dalam aktiviti kemasyarakatan dan pernah menjadi guru PASTI dan juga guru AL-Quran. Beliau juga adalah Halaqat Machang dan merupakan penceramah tetap untuk program kepada muslimah di peringkat DUN Temangan. Selain itu, beliau juga turut menjadi AJK PERKIM dan PURNAMA. Sumbangan dan keterlibatan beliau dalam bermacam-macam aktiviti dari waktu muda hingga ke usia emas haruslah dicontohi dan boleh dijadikan panduan.

# *Produk Edisi Istimewa Hari Sayyidatina Khadijah*

## **KERONGSANG HARI SAYYIDATINA KHADIJAH**

Dijual oleh:

[Hari Sayyidatina Khadijah](#)



**Harga-** RM159.00/unit

**Special Pre-order-**

RM139.00/unit

**3 unit atau lebih-**

RM99.00/unit



**Harga (kerongsang kecil-**

RM 58.00/unit

**3 unit atau lebih-**


RM49.00/unit

**Sepasang (besar dan kecil):**

RM 199.00



## *Produk Edisi Istimewa* *Hari Sayyidatina Khadijah*



**DINAR**  
**Harga: RM 839.00**

**Maklumat produk:**

Berat : 4.25 g

Diameter : 22 mm

Ketulenan : 917

No siri khas HSK




**DIRHAM**  
**Harga: RM30.00**

**Maklumat produk:**

Berat : 2.975 g

Diameter : 22 mm

Ketulenan : 999





*Produk Edisi Istimewa  
Hari Sayyidatina Khadijah*



**BUKU SURI HATI  
TOK GURU NIK  
ABDUL AZIZ**

Harga: RM 20.00




**BUKU SINAR  
THURAYYA DI  
SERAMBI MEKAH**

Harga: RM 25.00

**HARGA PAKEJ  
KOMBO**

Harga: RM 40.00

## Peta Kelantan



## Direktori



Hari Sayyidatina Khadijah



+6019-981 3918



+6013-9846914 /+6019-981 3918



HariSayyidatinaKhadijah



HSKhadijah

## *Sekalung Penghargaan*

**Yang Amat Berhormat Ustaz Dato' Haji Ahmad Yakob,  
Menteri Besar Kelantan**

**Yang Berhormat Hajah Mumtaz Md. Nawi,  
Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita, Keluarga  
dan Kebajikan Negeri Kelantan**

**Yang Berbahagia Ketua Pengarah  
Program Hari Sayyidatina Khadijah 2017  
Hajah Zainiah Halim**

**Ahli-ahli Jawatankuasa Pelaksana  
Hari Sayyidatina Khadijah 2017**

**Seluruh Agensi Kerajaan, Pihak Swasta, NGO dan Individu**

**Wakil-wakil Media**

**Para Tetamu Jemputan**

**Para Penaja Dermawan**

**Semua Pihak yang Terlibat  
Secara Langsung dan Tidak Langsung**

## INISIATIF INFRASTRUKTUR UNTUK WANITA



*Pusat Latihan Wanita, OKU & Armalah  
yang terletak Bazar Buloh Kubu, Kota Bharu*



*Antara pelatih Kursus Sulaman di PLWOA, Kota Bharu*



## MINI DARUL NISWAH PUSAT AKTIVITI WANITA

**PASIR PEKAN- YAB** Ustaz Dato' Bentara Kanan Menteri Besar Kelantan Dato' Haji Ahmad Bin Yahab, telah melancarkan Mini Darul Niswah di Pusat Pembangunan Wanita Kelantan (PPWK) DUN Pasir Pekan baru-baru ini.


Program di bawah anjuran Urusia Pembangunan Wanita, Keluarga dan Kebajikan Negeri Kelantan (UPWKK) dengan kerjasama Pusat Pembangunan Wanita Kelantan (PPWK) dapat sambutan yang memukau.

Mini Darul Niswah adalah satu tempat di mana diadakan program bengkel jahitan dan lain-lain yang dibuka kepada orang ramai, termasuklah amalan yang mempunyai nilai kewangan yang minima. Di sini disediakan set mesin jahit yang lengkap serta seorang guru sebagai tenaga pengajar bagi memudahkan urusan bengkel tersebut.

Sehingga kini PPWK di 45



DUN telah mempunyai pelajar yang berjumlah seramai 1,950 orang dan Kemuncak kepada pelancaran tersebut, YAB Ustaz Dato' Bentara Kanan turut membuat demo masakan gulai kuning udang paku bersama isteri sambil diperhatika peminat yang lain.



### Mini Darul Niswah

- :: Ruang Pameran & Jualan
- :: Bengkel Jahitan
- :: Sudut Belajar Sendiri
- :: Pusat N.G.O
- :: Bengkel Kulinari
- :: Sudut Informasi Wanita Kelantan
- :: Sudut Kraftangan
- :: Ruangan Solat
- :: Sudut Dapur Hijau 'Gardenita'



Mini Darul Niswah sebagai Pusat Sepadu Wanita di 14 buah parlimen





*Pra Pelancaran Pusat Sumber Sayyidatina Hafsa semasa sambutan Hari Sayyidatina Khadijah 2016*



*Pusat Sumber Sayyidatina Hafsa yang sedang dalam proses renovasi, berlokasi di Perbadanan Perpustakaan Awam Kelantan*



Upacara gimik perasmian Sambutan Hari Sayyidatina Khadijah 2017 yang disempurnakan oleh YAB Ustaz Dato' Bentara Kanan Menteri Besar Kelantan di Hotel Perdana, 14 Ogos 2016.



YB Hajah Mumtaz Md Nawi berucap dalam Majlis Makan Malam Silaturahmi bersama Yayasan Noor As Syukur di Hotel Perdana, 15 Ogos 2016.



Pelancaran buku Membangun Bersama Islam Memartabkan Wanita Kelantan, sempena Majlis Sambutan Hari Sayyidatina Khadijah 2016





*Antara peserta luar negara yang menyertai persidangan MISK 2016.*



*YM Tengku Puan Temenggong Kelantan bersalaman dengan peserta yang hadir ke Majlis Makan Malam Silaturahmi sempena Sambutan Hari Sayyidatina Khadijah di Hotel Perdana, 15 Ogos 2016.*



*Datin Tuan Sabariah Tuan Ishak (Kanan) dan Prof. Emeritus Dr. Nik Safiah Karim merupakan penerima Anugerah Tokoh Wanita sempena HSK 2016 di Hotel Perdana, 5 Ogos 2016.*

## HSK angkat marhabat wanita

**SHAHALAM** - Sambutan Hari Saidatina Khadijah (HSK) yang diadakan pada 14 hingga 17 Ogos depan bakal mengangkat marhabat wanita seiring dengan usaha kerajaan Kelantan Membangun Bersama Islam. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita, Keluarga dan Kebajikan Kelantan, Mumtaz Md Nawi berkata, HSK adalah acara tahunan kerajaan negeri bagi mengahai sumbangan dan peranan di kalangan wanita Kelantan khususnya sepanjang 25 tahun di bawah pentadbiran kerajaan Membangun bersama Islam.

"Tahun ini, kita kembangkan program tersebut ke peringkat antarabangsa sekaligus sebagai nilai satu tarikan lebih ramai pelancong ke Kelantan sempena Tahun Melawat Kelantan 2016," katanya.

Terdahulu, beliau hadir ke Kompleks Media Karangraf, Shah Alam, semalam, bagi mempromosikan program berkenaan yang bakal berlangsung di Hotel Perdana dan Dewan Jabli Perak, Kota Bharu.

Menurutnya, antara pengisian menarik HSK termasuklah pendedahan rusuhan antarabangsa Kelantan (MSK), buai bicara dan pelancaran buku, muslimah *cultural night*, ekspo KALA 2016 (*Kelantan Authentic Lifestyle and Arts*) pelancaran pusat sumber Sayyidatina Hafshah dan Kelantan *Tour*.

"Bagi ekspo Kala, ia merupakan pameran dan jualan dari agensi kerajaan, badan NGO dan perseorangan berorientasikan produk Kelantan.

"Kita juga akan लेकरان 500 dinar khas sempena HSK untuk jualan," katanya yang juga Adun Demit.



Mumtaz Md Nawi (kanan) bersama Koordinator, Senator Khairiah Mohamed (kiri) menunjukkan risalah program HSK dan ekspo Kala, di Shah Alam, semalam.

**Keratan akhbar Sinar Harian, 26 Julai 2016, berkaitan Sambutan Hari Sayyidatina Khadijah 2016.**

## Peranan wanita diiktiraf

**KOTA BHARU** - Kerajaan negeri sentiasa memberi perhatian kepada wanita di negeri ini untuk mempromosikan usaha dan kejayaan mereka dalam apa sahaja bidang diceburi.

Timbunan Menteri Besar, Datuk Mohd Amar Nik Abdullah berkata, malah di negeri ini pada awal tahun 1990 sudah jelas dominasi golongan wanita dalam pelbagai aspek.

"Wanita Kelantan mendominasi dalam berniaga khususnya di pasar-pasar hingga bekas Menteri Besar, Allahyarham Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat memamukkan sebuah pasar dengan nama Pasar Siti Khadijah.

"Pendedahan kita di Kelantan mengambil kira tempoh kesesuaian semasa dengan menunjukkan sikap toleransi tentang penglibatan wanita, tetapi ada limitnya agar tidak melebihi had," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap merasmikan majlis penutup Hari Saidatina Khadijah 2016 dan pelancaran pusat sumber Saidatina Hafshah di sini, semalam.

Turut hadir, Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita, Keluarga dan Kebajikan Negeri, Mumtaz Md Nawi.

Mohd Amar ber-



Mohd Amar melakukan gimik perasmian penutupan Hari Saidatina Khadijah di sini semalam.

gram anjuran Urusetia Pembangunan Wanita, Keluarga dan Kebajikan negeri Ekspo KALA 2016 (*Kelantan Authentic Lifestyle and Arts*) bermula 12 Ogos dan berakhir semalam turut memberi peluang kepada wanita Kelantan tampil berdaya saing dan dalam mempromosikan produk desa dan tradisi di pasaran terbuka luar dan dalam negara.

Selain itu, sambutan Hari wanita itu juga dimertahkan dengan Muslimah *International Summit Kelantan* (MSIK 2016) memabihkan delegasi luar negara yang turut dijemput bagi berkongsi pengalaman untuk panduan wanita Kelantan.

Dalam masa sama program ini juga akan ber-

**Keratan akhbar Sinar Harian, 17 Ogos 2016, berkaitan Sambutan Hari Sayyidatina Khadijah 2016.**

# Sentuhan Tok Guru sentiasa relevan

Bawa dasar bermanfaat untuk semua, termasuk memartabatkan wanita

■ ROSMIZA KASIM

**KOTA BHARU** - Sentuhan idea yang dibawa Allahyarham Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat sejak sekian lamanya dalam pentadbiran negeri sentiasa relevan melenyapkan masa dan turut memartabatkan peranan kaum hawa.

Perkara itu diakui Pensyarah Fakulti Siasah dan Syariah, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaysia, Dr Shukeri Mohamad dan Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita, Keluarga dan Kebajikan negeri, Mumtaz Md Nawi pada Majlis Bual Bicara 'Wanita Kelantan Tongkat Serandang Negeri' sempena Hari Saidatina Khadijah 2016.

Shukeri berkata, dasar yang dibawa oleh Nik Abdul Aziz sejak 1990 jauh berpaksikan dasar Membangun Bersama Islam telah memberi kesan kepada pembangunan dan kebajikan wanita di negeri Cik Siti Wan Kembang.

"Dasar yang dibawa oleh Nik Aziz sangat bermanfaat. Pembangunan golongan wanita yang membawa ke sejahteraan kepada negeri turut menyumbang kepada kebajikan orang," kekikinya.

Menurutnya, metode sisah dalam menjalankan misi pembangunan wanita dengan menjadikan al-Quran dan al-Surah sebagai sumber pentadbiran adalah sesuatu yang membanggakan semua.

"Bagaimana pula Nik Aziz



Shukeri (kiri) dan Mumtaz (tengah) ketika menjadi ahli panel Bual Bicara 'Wanita Kelantan Tongkat Serandang Negeri' semalam.

membinas wanita menjadi Tongkat Serandang Negeri yang kita perlu tahu adalah dengan membentuk persepsi baru bahwa wanita bukan alat ekonomi dan pemangan.

"Politik Islam Kelantan dan menyedutkan kehidupan dan peranan wanita daripada menjadi alat dan eksploitasi ekonomi kapitalis serta peryogonnya," katanya.

Tambahnya, termasuk juga program yang dilaksanakan kini yang menjadi nadi penting kepada perkembangan wanita kerana memenuhi skala-skala sisah.

Sementara itu, Mumtaz pula melihat betapa cakranya bekas menteri besar itu dalam setiap sudut dalam memperkasakan peranan wanita mengikat laladan Islam.

"Banyak program yang dihasikan oleh Allahyarham selama ini untuk kaum hawa, yang dikuti negeri lain. Saya masih ingat bagaimana arwah tidak ada bila wanita dipanggil janda, tetapi menggarak kumpulan inise-

bagai amallah," katanya.

Bahkan katanya, sepanjang masa juga kerajaan negeri sangat memartabatkan kebajikan dan menghargai peranan kaum hawa, seterusnya mempromosikan Kelantan sebagai model kerajaan Islam mera wanita sehingga ke peringkat antarabangsa.

Sebagai buktinya, kerajaan negeri telah melaksanakan 75 inisiatif Kelantan Cakna Wanita yang merangkumi pelbagai program untuk membantu salsiah, ekonomi dan juga membimbing wanita dalam setiap genap cabang kehidupan.

Sempena Hari Saidatina Khadijah 2016, turut dilancarkan tiga buku berjudul Sinar Tharunya di Serambi Melahiri Siri 1, Memartabatkan Wanita Kelantan dan Wanita Islam Kontemporari-Isu. Cakhoran dan Amal adalah yang diumpamakan isteri Menteri Besar Kelantan, Datin Siti Zedah Abdul Hamid.

Sinar Harian Selasa, 16 Ogos 2016 muka surat 36

**Keratan akhbar Sinar Harian, 16 Ogos 2016, berkaitan Sambutan Hari Sayyidatina Khadijah 2016.**

# *Autograf*

# Jom Hayati erti AlQuran



**Diedar oleh KOWANIS**



**0199197206 Linda**